Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya sudah dengan berharap supaya wakil daripada pihak pembangkang mahu-lah juga "earn their keep", terima kasih.

Enche' Mohd. Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menyentuh perkara berkenaan dengan kesah perlantekan sa-orang Ahli Dewan Senate yang di-lantek oleh pihak Kerajaan. Saya tidak hendak memberikan penjelasan yang panjang lebar di-atas perkara ini kerana perkara ini maseh lagi di-dalam peringkat perundingan di-antara pihak Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri itu sendiri, akan tetapi saya dapat menjelaskan bahawa hal kejadian ini bukanlah menyentuh kepada soal yang kecil, tetapi mengenai soal kedudukan Perlembagaan itu sendiri. Saya perchaya perkara itu akan dapat diselesaikan dengan sa-berapa segera yang boleh, dan pihak Perdana Menteri telah memberikan jaminan bahawa akan di-sempurnakan keadaan yang mungkin akan merosakkan Perlembagaan itu sendiri.

Saya berchakap sekarang berkenaan dengan Kepala 1 Kepala Kechil 2 dalam butir 6, peruntukan telah diberikan sa-banyak \$108,000 kerana kebersehan Bangunan Parlimen atau menchuchi Bangunan Parlimen. Kalau kita perhatikan semenjak kita hadir dalam Dewan ini keadaan pekerja² menchuchi lantai dan sa-bagai-nya itu bagus-lah, akan tetapi kita telah menguntokkan sa-banyak \$108,000 kerana belanja menchuchi Parlimen ini ada-lah satu belanja yang besar sapatut-nya kerja² itu dapat memberikan kepuasan hati bagi semua lapangan.

Baharu² ini surat khabar *Utusan Melayu* telah menyebutkan bagaimana tempat² yang di-khaskan bagi menanam pokok² bunga untuk perhiasan Bangunan Parlimen yang indah dan hebat ini telah tumbuh pokok² liar yang tidak bertanggung-jawab kepada keindahan Bangunan Parlimen yang chantek ini. Apa-kah tanaman² atau

tumbuhan liar yang tumbuh bagitu chantek di-tempat² perhiasan ini, pokok² yang patut di-sediakan itu sengaja di-biarkan tidak chukup pekerja menjaga kawasan atau pun \$108,000 itu tidak memadai bagi menampung kerja² untuk pembersehan lanjut-nya. Ini saya fikir pihak Menteri sendiri akan dapat memberikan jawapan. Akan tetapi kalau dengan \$108,000 ini tidak bagitu menchukupi, saya rasa sudah terlalu, ini rasa saya ada-lah satu daripada pandangan saya kechuaian yang mungkin tidak disengaja, patut dapat perhatian daripada pihak yang berkenaan supaya janganlah tempat² atau petak² untuk di-tanam bunga² yang indah itu di-tumbohi dengan bebas dan merdeka oleh pokok² yang tidak bertanggung-jawab dengan kechantekan dan keindahan Parlimen ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, peruntukan Kepala Kechil 3 peruntukan sa-banyak \$301,000 kerana lampu dan ayer; lampu, kuasa letrik dan ayer yang kalau kita perhatikan kapada peruntukan tahun ini yang dimasukkan di-bawah Kepala Kechil 2 butir 7 nampak-nya perbezaan meningkat menambah \$138,648 yang Menteri Muda telah memberikan penjelasan kapada kita tadi bahawa mungkin ada beberapa sebab yang menyebabkan kenaikan yang bagini hebat dan besar. Saya perchaya, Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya pihak pentadbir Parlimen ini dapat menjimatkan lagi kewangan ini neschaya tidaklah perbelanjaan ini sampai sa-paroh bertambah. Boleh-lah lampu² itu dipasang dengan chantek dan indah sewaktu Parlimen ini bersidang atau mana² sidang di-adakan, tetapi pada waktu yang tidak di-adakan sidang² apa pun di-bangunan ini pemakaian tenaga letrik, lampu² atau ayer dapat di-kurangkan dengan banyak-nya.

Satu lagi berkenaan sistem alat dingin udara. Saya di-fahamkan bahawa sistem udara dingin di-pakai pada masa sekarang di-bangunan Parlimen ini ada-lah satu sistem persamaan kapada seluroh ruangan dan seluroh petak yang kalau orang hanya 10 orang sa-kali pun tenaga di-gunakan oleh udara itu bagitu

juga-lah sama dengan kalau beribu² manusia ada di-dalam bangunan ini. Atau pun di-mana² bilek yang tidak di-gunakan maseh tetap menerima chatuan hawa dingin daripada alat sistem hawa dingin yang di-pakai dalam Parlimen ini. Tidak-kah dapat mithal-nya di-fikirkan atau di-ubah-kan satu sistem chatuan atau penyaloran hawa dingin itu di-tunjukkan tempat² yang memang menggunakan pada waktu itu sahaja. Saya rasa dengan demikian maka penggunaan tenaga letrik bagi pesawat alat penghawa dingin dapat di-jimatkan lagi pada masa² yang akan datang.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya perchaya kerana kita membahathkan mengikut bagaimana ucapan² Menteri Muda tadi daripada Kepala 1 hingga 12, biar-lah saya chakapkan satu² dalam perkara itu.

Berkenaan dengan Kepala 4 masa-alah pilihan raya ya'ani Surohanjaya Pilehan Raya, memang berkali² semenjak dahulu pun telah di-suarkan dalam Rumah yang mulia ini tentang perlaksanaan pilihan raya yang berjalan dalam negeri ini. Baharu² ini pehak Kerajaan telah menghantar beberapa orang daripada negeri ini pergi menyaksikan perjalanan pilihan raya yang berlaku di-negeri orang puteh, atau England, bagaimana hasil pilihan raya itu telah di-lakukan, bagaimana chara pilihan raya itu di-lakukan sama ada pada masa kempen sedang berjalan, bagaimana masa hari mengundi, bagaimana pula chara kemenangan Parti Buroh dan kejatohan Parti Conservative, sudah tentu-lah pehak pemerhati daripada pehak Kerajaan ini dapat menyaksikan bagaimana gerakan polis bekerja dan menjaga serta mengawal perjalanan pilihan raya, bagaimana pegawai² Kerajaan yang mendapat gaji daripada wang kumpulan orang ramai menjalankan tugas-nya sama penat dan chukup-lah, pendek-nya, segala²-nya itu dapat menjadi satu pelajaran yang baik. Saya berharap supaya wakil yang menghadhiri itu dapat menyusun satu penyata dan penyata itu dapat di-bacha oleh Ahli² Dewan Ra'ayat ini khusus-nya dan dapat mengetahui sa-

jauh mana hasil² kunjungan itu dan faedah² yang di-keluarkan daripada wang itu dapat di-chapai dan dapat di-kechap bersama oleh anak negeri ini ya'ani faedah daripada tinjauan perjalanan pilehan raya di-sabuah negeri yang telah menjadi chontoh bagi negeri Malaysia ini dalam soal kehidupan dan perjalanan democracy dalam negeri ini.

Sa-lain daripada itu sedikit sa-banyak saya hendak berchakap pula, Tuan Yang di-Pertua, dalam Kepala 7, Pechahan Kepala 12—Pertandingan Membacha Quran. Saya telah di-beritahu dengan rasmi bahawa pertandingan membacha Quran dalam tahun ini bukan sahaja meliputi kaum bapa, ia-itu pertandingan international—pertandingan antara bangsa, tidak sahaja meliputi kaum bapa, tetapi akan meliputi juga kepada kaum wanita, dan bukan sahaja beberapa buah negeri tetapi mungkin sampai kepada 12 buah negeri Islam di-seluruh dunia ini yang mana patut di-jemput.

Ini satu langkah yang baik, akan tetapi peruntokan sa-banyak \$45,500 pada tahun 1965 yang bersamaan dengan peruntokan tahun 1964 ini sa-banyak \$45,500 saya perchaya satu peruntokan yang di-buat dengan tidak berasaskan kepada keputusan, atau chadangan bagi mengadakan pertandingan membacha Quran antara bangsa ini yang lebeh luas dan lebeh lebar lagi daripada apa yang telah di-lakukan pada tahun yang telah lalu, atau tahun ini. Jadi, hal saperti yang demikian selalu kerap kali terjadi.

Saya maseh ingat waktu beberapa tahun yang lalu terpaksa pehak Kerajaan membawa Supplementary Supply Bill bagi menambah peruntokan saperti ini, dan kerap kali menimbulkan perbahathan yang panas. Sa-patut-nya dalam anggaran saperti ini daripada awal² lagi sa-sudah pehak Perdana Menteri sendiri telah menyatakan chadangan yang mulia dan baik itu, maka anggaran tambahan itu di-tambah dengan serta-merta.

Sa-lain daripada itu, Kepala 7 juga, Pechahan Kepala 42. Nampak-nya dalam Perbelanjaan Khas bagi Jabatan Perdana Menteri ini hendak membeli

Permaidani Kuning yang berharga \$6,100. Perkara ini terlalu kecil sangat, Tuan, tetapi oleh kerana kalimah "kuning" itu terpaksa saya berchakap. Apa-kah maksud-nya dengan Permaidani Kuning ini? Kalau disebut Permaidani Merah itu mungkin hendak di-gunakan di-lapangan² terbang, kerana menyambut tetamu² negara, tetamu² agong mithal-nya, tetapi bila sudah warna kuning ini, saya pun tidak faham, sebab biasa-nya yang di-gunakan dengan memakai warna kuning ini ia-lah penggunaan bagi raja². Apa-kah penyediaan Permaidani Kuning ini di-khususkan kerana hendak menyambut sa-orang raja daripada luar negeri, tetapi saya perchaya raja luar negeri pun ta' pakai warna kuning ini, melainkan kita, adat istiadat keturunan orang² Melayu kita, ma'ana-nya Raja² Melayu sahaja-lah yang memakai Permaidani Kuning ini. Jadi, patut-lah pihak Menteri Muda yang mengemukakan chadangan ini menerangkan kepada kami semua ini, apa maksud hendak membeli Permaidani Kuning ini? Sebab saya perchaya Permaidani Merah sudah ada. Apa-kah kerana Perdana Menteri keturunan raja, maka perlu pakai Permaidani Kuning—saya perchaya tidak begitu. Tentu ada sa-suatu yang khas kerana Permaidani Kuning ini, dan sa-jauh mana kepentingan-nya, walau pun telah di-chatitkan bahawa perbelanjaan ini tidak boleh di-lakukan, melainkan dengan kebenaran Perbendaharaan, tetapi memang ada maksud itu dan tujuan-nya.

Tuan Pengerusi, saya rasa sa-takat ini chukup-lah, sekian.

Enche' C. V. Devan Nair (Bungsar): Mr Chairman, Sir, I rise to object to the inordinate delay in the publication of the Hansard. I recall, Sir, that a few copies of the Hansard which I received recently related to proceedings in this House which took place in the latter part of 1963. My friends, Sir, who are Members of the Legislative Assembly across the Causeway, told me that the unrevised version of the Hansard of that State Assembly is available to the Members there on the same night. I think you will agree with me, Sir, that it is a deplorable

state of affairs that as far as this House is concerned, this Parliament of the whole of Malaysia—not just a State Assembly—there should be this inordinate delay.

But to be fair, Sir, it must be stated that this delay is no fault of the reporting staff of Parliament. Our information is that there has been no increase in the reporting staff since 1959. One would have thought, Sir, that after the colossal expenditure of money in putting up this grand structure of Parliament House there would have been some attempt to make greater provision for the reporting section, so that there would have been an increase in efficiency in proportion to the increase in the size of this Parliament and in the size of Parliament House itself. But that apparently is not to be so.

Sir, having taken the trouble to find out the reasons for these, I may hazard a few guesses as to why it is that the situation in the reporting staff is as it is at the moment. Sir, I have gathered that the people who can write shorthand at the speed of 150 words a minute, which I believe is the qualifying speed, are not interested in joining the Parliamentary staff of reporters because of the poor salary and the heavy work involved. I find, Sir, that the starting salary for reporters has been reduced under Head S. 1, item 17, "Pemberita", to \$350—it was \$420 previously. Sir, this is hardly the way to attract efficient men into the Parliamentary Service. In the State of Singapore, Sir, I understand the starting salary is \$760 a month for reporters who can pass the 150 words per minute test. Therefore, one can easily see why the State Assembly of Singapore is able to produce its Hansard, or the preliminary version of the Hansard, on the same night; and, mind you, Mr Speaker, Sir, this is in respect of a multi-lingual Assembly where there is more work involved in translation from the various languages.

Sir, they say that new brooms sweep clean and you, Sir, are a new Speaker, and it is our hope that you will be able to make a clean sweep of this unsatisfactory state of affairs which

does not do any credit to the standing and the dignity of this House. Of course, Sir, if you find that there is no co-operation from the Treasury in order to set these things right, we sitting on benches on both sides of this House will make quite sure that the Treasury will be made to see reason.

Sir, another matter which I would like to touch on is in respect of the Standing Orders and procedures of this Parliament. As has already been pointed out by many speakers during the Budget debate, the normal parliamentary practice is to adjourn the House for at least one week and, in some cases, more, after the Minister of Finance outlines his Budget proposals in order to give time to Members to study the proposals closely, and not merely to Members, Sir, but normally the Budget Statement made by the Honourable Minister of Finance in a parliamentary democracy is open also to the general public for debate and discussion in the newspapers and so forth. This one week or more of adjournment is necessary . . .

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, chakapan dia itu berkenaan dengan apa?

Enche' C. V. Devan Nair: I am talking of procedure which comes under Parliament, Sir.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Committee, Member berchakap pada butir² atau pun polisi² yang ada di-dalam butir ini sahaja.

Mr Chairman: Will the Honourable Member try to confine his speech to the policy of the service and not the details?

Enche' C. V. Devan Nair: Right now, Sir, I will be hard put to find exactly where this would come in. However, since we are in Committee, I shall undertake to go through this and pop up again.

Enche' Hanafiah bin Hussain (Jerai): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong permintaan daripada Yang Berhormat dari Batu dan juga Yang Berhormat dari Singapura berkenaan

dengan Pemberita² untuk Dewan yang mulia ini. Saya sa-benar-nya berchakap sa-bagai Pengerusi Juru Kira² Wang Negara (Chairman of Public Accounts Committee). Kami telah pun menjalankan tugas² kami untuk tahun ini beberapa bulan dahulu tetapi sampai sekarang malang-nya semua proceeding yang telah kami jalankan itu belum lagi di-taipkan. Sa-sudah saya menyelideki maka saya dapati jawapan-nya ia-lah kerana Pemberita² kita yang berada di-Dewan yang mulia ini tidak men-chukupi. Ini yang sa-benar-nya saya tujukan kepada Tuan Pengerusi sendiri dengan kerana Perkhidmatan Parlimen ini ada-lah di-bawah Parliamentary Service Advisory Committee yang Tuan Pengerusi sendiri menjadi Chairman-nya dan Tuan Pengerusi sendiri ada berhak melantek pegawai² yang bekerja dalam Dewan yang mulia ini. Chuba, Tuan Pengerusi, lihat sa-belah sana 4 muka itu-lah tiap² kali yang datang ka-sini, sa-sudah $\frac{1}{2}$ jam 4 muka keluar, 4 muka yang lain datang, tetapi 8 muka itu sentiasa sejak tahun 1959. Jadi, apabila saya lihat dalam Anggaran Perbelanjaan dalam muka 30 Kepala Besar S. 1 di-sini di-tunjokkan ada 14 Pemberita bagi tahun 1964. Ini "misleading and erroneous" dengan kerana tahun sudah tidak ada 14, chuma peruntukan sahaja. Yang bekerja chuma 8—siang malam, pagi petang. Dan saya sudah menyelideki kerana apa maka 14 tempat itu tidak dapat di-penuhi. Saya perchaya juga Parlimen sudah pun menjalankan usaha² untuk mengambil Pemberita² yang chukup, sudah 2-3 kali di-jalankan, tetapi tidak ada yang layak datang ka-hadapan atau tampil ka-hadapan untuk memenuhi jawatan² yang tersebut. Macham Yang Berhormat sa-belah sana mengatakkan tadi, sebab yang utama ia-lah kerana "gaji permulaan" itu tidak begitu menarek, betul "gaji penghabisan" sampai \$837 tetapi sa-bagai orang yang bekerja dan berkhidmat untuk mana² pertubohan, mereka tidak peduli apa gaji yang akan mereka dapat 20 tahun ka-hadapan, mereka mahu gaji sekarang untuk belanja anak² mereka bersekolah sana sini.

Kita sekarang mahu Pemberita untuk Dewan Ra'ayat ini yang pandai sampai

150 huruf satu minit. Dengan kepintaran yang sa-bagitu, kita hendak bayar pada mereka "basic pay" \$350. Tadi Yang Berhormat dari Singapura mengatakan di-Singapura sendiri Pemberita² di-sana di-bayar di-antara \$760 permulaan dan juga dalam Jabatan² Kerajaan yang lain seperti Special Grade Stenographer (Juruterengkas Tingkatan Khas) yang berkehendakkan chuma 120 huruf satu minit maka mereka di-bayar dengan gaji permulaan \$450. Kita bayar \$350, Singapura bayar \$760. Kalau begitu chara kita menjalankan kerja, Tuan Pengerusi, sampai hari kiamat pun kita tidak akan dapat memenohi 14 tempat, jangkakan 20 tempat.

Tuan Pengerusi, ini Pemberita, bukan juruterengkas. Ini Pemberita dia punya darjat lebih tinggi daripada juruterengkas walau pun mereka sendiri mesti tahu itu ilmu juruterengkas. Ini ada-lah satu "specialist job in his own way", dan saya faham bahawa dalam iklan² untuk mendapatkan Pemberita untuk Parlimen, Tuan tegaskan, Tuan Pengerusi sendiri tegaskan, bahawa dia punya kelulusan mesti sa-kurang²-nya Senior Cambridge (Darjah Sembilan sa-belum perang dahulu). Fasal apakah itu tidak boleh di-longgarkan? Ini chuma pemberita (reporting). Saya tahu ada di-antara kalangan Pemberita² sekarang yang kelulusan-nya tidak ada Senior Cambridge, tetapi Junior Cambridge sa-belum perang dahulu, dia Kepala sekarang. Tidak-kah boleh, Tuan Pengerusi, dalam mengambil Pemberita² ini, kapada pengalaman yang luas biar-lah syarat kelulusan-nya Darjah Lapan pun tidak mengapa. Tuan Pengerusi, tahu-kah di-dunia perniagaan mereka bayar \$1,000 sekarang untuk First Class Stenographer/Secretary, maka kita ini maseh lagi membayar \$350. Saya tengok dalam undang² untuk mengadakan "separate parliamentary service" ada ahli² dalam jawatan-kuasa itu yang mengandongi daripada Perbendaharaan dan daripada F.E.O. Boleh jadi kerana mereka kedua² ini membantah bahawa tidak boleh di-bayar gaji yang lebih kerana mesti ikut Government Department; di-sini saya merayu kapada Tuan Pengerusi untuk kepentingan Dewan

yang mulia ini kalau umpama-nya ada bangkangan daripada wakil daripada Perbendaharaan dan ada bangkangan daripada wakil Pejabat Perjawatan Negara, maka kami kalau di-beritahu akan menolong Tuan Pengerusi menchapai chita² supaya Pemberita kita ini dapat gaji yang lebih dan dapat memenohi jawatan² yang tertentu (*Tepok*). Kita dua tiga hari sudah berchakap tentang hendak menghamonaiskan atau hendak persamakan hasil chukai, maka patut masa sudah sampai untuk kita menghamonaiskan bayaran Pemberita² kita bagi Dewan ini supaya sama dengan Singapura, kalau pun tidak lebih. Terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya terkejut pagi ini melihat telatah sa-orang Ahli Dewan ini ia-itu dari Ipoh yang telah chuba menggunakan Dewan ini berkali² sa-bagai tempat ia mengemukakan telatah samseng-nya kapada Ahli Dewan ini. Saya fikir telatah samseng ini tidak menakutkan sa-siapa. Kalau dia fikir dia kuat ada orang lebih banyak kuat daripada-nya, kalau dia fikir dia loyar yang bijak, loyar yang lebih bijak daripada-nya berpuluh (AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear). Saya rasa bukan-nya bagi Ahli Dewan ini memberi amaran yang bukan² dalam perkara yang "explosive" sa-bagai ini, kerana soal ini ia-lah soal perpaduan kebangsaan, dan kalau soal ini di-gunakan sa-bagai alat politik untuk Ahli Yang Berhormat itu menchari kesempatan hendak melakukan lebih laku lagi diri-nya yang sudah tidak laku lagi itu—daripada 5 tinggal 2 Ahli P.P.P. dalam Dewan ini, maka bukan tempat-nya di-sini (AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear). Saya harap bahawa Ahli dari Ipoh itu akan ambil fahaman baik² akan nasihat yang di-beri oleh Yang Berhormat Perdana Menteri pada petang samalam, kalau dia tidak begitu suka hati dudok di-sini berhambus-lah dia dari sini (AN HONOURABLE MEMBER: Hear, hear).

Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini dalam Sub-head S. 1, menyampaikan rasa terima kaseh saya kerana di-dalam persidangan yang lepas ada saya minta supaya di-pasangkan

alat pembesar suara di-kantin di-sebelah belakang tempat ramai Ahli² Yang Berhormat bertumpu dan alhamdulillah sekarang ini tempat itu sudah di-pasang dan faedah-nya saya rasa dapat di-rasai oleh semua Ahli² Dewan ini dan pegawai² Kerajaan yang bersama² mengikuti meshuarat di-Dewan ini. Saya suka-lah menyokong sama² di-atas permintaan daripada pehak Pembangkang—Ahli dari Batu, Ahli dari Bangsar dalam kemudahan² yang patut di-beri lebeh² lagi kepada Dewan ini ia-itu di-tempat pemerhati dan sa-bagai-nya.

Dr Tan Chee Khoon: Terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Memang kita memerlukan kemudahan² yang lebeh supaya dapat-lah Dewan ini melakukan peranan-nya dengan sempurna.

Saya suka hendak menyentuh dalam perkara Head S. 1 ini dalam perkara Jurubahasa Serentak. Saya tidak tahu pada hari sa-malam bagaimana jadi-nya satu penerangan yang telah di-beri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah salah di-beritakan di-dalam sa-tengah² surat khabar ia-itu surat khabar Inggeris—*Straits Times*. Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kita tidak mengakui Kerajaan Israil dan kita di-pehak yang bermusoh dengan negara Israil itu. Tetapi *Straits Times* mengatakan “but we are not enemies”—kita tidak berseteru dengan Israil. Di-mana-kah datang-nya kesalahan ini? *Straits Times* biasa menghantar pemberita-nya orang yang bukan Melayu, barangkali pemberita itu lebeh bergantung kepada terjemahan yang datang daripada Jurubahasa Serentak; barangkali juga terjemahan-nya salah—yang di-berikan oleh Jurubahasa Serentak perkataan mengatak-an, kita sebelah pehak yang berseteru dengan Israil. Ini di-beritakan dalam surat khabar *Straits Times* hari ini, bahawa kita tidak berseteru dengan Israil. Bagaimana langit dengan bumi jauh-nya, Tuan Pengerusi, dan saya harap bahawa perkara ini dapat perhatian daripada Jurubahasa Serentak yang menjalankan tugas-nya.

Tuan Pengerusi, saya beralah kepada S. 3—Juru Odit Negara. Saya

nampak dalam Butiran (1) ada satu tambahan jawatan baharu ia-itu jawatan Timbalan Odit Negara sa-orang lagi, dan dengan ini ada dua orang Timbalan kepada Juru Odit Negara. Saya nampak dengan mengadakan tambahan pegawai tinggi sa-bagai ini, nampak pegawai dagang lagi ia-lah satu usaha Kerajaan menjalankan ka-arah kepada top heavy di-dalam per-khidmatan sedangkan dalam perkara Juru Odit, kita lebeh mementingkan kepada pegawai rendah yang pergi mengodit di-tiap² pejabat daripada membanyakkan pegawai tinggi yang menyelideki pegawai di-bawah. Maka sunggoh pun barangkali jawatan ini untuk contract yang akan tamat pada tahun 1966, tetapi saya berharap bahawa aliran bagi mengadakan top heavy pada pejabat² ini tidak di-galak-kan sa-terus-nya.

Dalam pejabat² Kerajaan, Tuan Pengerusi, satu perkara yang sangat ditakuti oleh pegawai pejabat ia-lah Juru Odit. Sa-tiap masa dan sa'at masing² menunggu entah bila-kah datang Juru Odit, kerana kadang² dia datang mengejut. Ini satu perkara yang kadang² menyebabkan pegawai itu tidak begitu selesai menjalankan kerja. Satu perkara saya hendak mendapat penjelasan, memang-lah Juru Odit satu perkhidmatan yang sangat perlu dalam Kerajaan dan pentadbiran tetapi siapa yang mengodit Juru Odit itu? Siapa-kah yang mengodit segala perbelanjaan, yang mengodit segala elauan yang di-terima dan di-tuntut oleh pegawai² Odit itu, Tuan Pengerusi? Kerana, kadang² pada sa-tengah² tempat Juru² Odit ini tidak berpatutan melakukan pemeriksaan sa-tengah² pejabat. Jadi, kadang² timbul rasa tidak puas hati dan sa-bagai-nya di-kalangan pegawai² lain, maka sudah tentu timbul pertanyaan ini. Maka saya suka juga ingin mendapat penjelasan siapa-kah yang mengodit kira² di-pejabat itu sendiri?

Saya beredar kepada S. 5—Surohanjaya Perkhidmatan ‘Awam. Saya rasa dengan ada-nya kita mempunyai satu Surohanjaya Perkhidmatan yang bebas maka terjalin-lah satu asas demokrasi yang besar dalam pentadbiran Kerajaan kita. Tetapi satu perkara, Tuan Pengerusi, tentang chara² Surohanjaya

Perkhidmatan 'Awam ini menjalankan kerja-nya memilih orang² yang hendak berkhidmat dengan Kerajaan. Satu perkara yang sangat mustahak di-beri perhatian di-dalam memilih pegawai² sa-lain daripada kelulusan ia-lah pengalaman orang yang minta kerja itu. Kadang² kelulusan-nya tidak sampai atau tidak sa-penoh saperti yang di-sharatkan tetapi pengalaman-nya mengatasi kelulusan yang di-kehendaki. Kadang², orang² yang tidak ada kelulusan boleh menjalankan kerja itu kerana pengalaman-nya lama lebih baik daripada orang yang ada kelulusan. Maka segi ini harus di-pertimbangkan sama dalam memilih pegawai² dan memilih orang² oleh Surohanjaya Perkhidmatan 'Awam. Kalau tidak, maka banyak perkara kita memilih orang² "the wrong person to the wrong job", banyak perkara yang telah berlaku dan kita telah tengok kadang² kurang memuaskan hati. Apa lagi berchakap kepada orang²; sekarang timbul satu perkara rasa tidak puas hati di-kalangan orang² bumi putera anak negeri ini, dalam jawatan² tinggi M.C.S. ada quota, jawatan rendah tidak ada quota, Tuan Pengerusi, tidak ada quota semua sa-kali. Maka ada banyak juga anak² negeri yang boleh memegang jawatan ini tetapi kelulusan-nya tidak penoh, kenapa-kah tidak di-longgarkan sedikit di-pandang dari segi pengalaman-nya maka akan dapat banyak lagi kita mengatasi perkara ini, perkara supaya hilang rasa tidak puas hati yang akan memberikan kesan yang sangat tidak baik di-dalam pembangunan negeri kita ini dalam perkara pemilihan pegawai dalam jawatan² rendah dan jawatan tinggi. Kerana kalau kita tengok dalam jawatan rendah memang sa-bahagian besar orang² yang bukan daripada asal anak negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya beredar kepada S. 7 Pechahan Kepala 12—Pertandingan Membacha Quran Tahunan. Memang satu langkah yang patut kita alu²kan pada tahun ini dengan di-besarkan bidang Pertandingan Membacha Quran ini kita jemput lebih banyak lagi negeri² Islam yang akan mengambil bahagian dan di-bukakan pertandingan ini kepada kariah² daripada negeri² itu. Pada tahun yang

lepas, Tuan Pengerusi, serentak dengan Pertandingan Membacha Quran ini diadakan satu persidangan Islam pada bulan puasa itu. Saya rasa perkara ini patut kita teruskan. Pada tahun ini tidak ada sa-barang ranchangan yang kita dapat dengar untuk mengadakan persidangan atau seminar dalam perkara Islam. Kerana Islam satu ugama yang menyeru kepada persaudaraan, menyeru kepada kemanusiaan, segi² ini harus-lah kita kaji mengambil kesempatan dalam pertandingan Quran ini supaya lebih luas-lah orang² memahami kedudukan persaudaraan dan kemanusiaan yang ada dalam Quran dan dalam Islam itu.

Maka saya rasa apa yang telah dijalankan pada tahun lepas dengan mengadakan Persidangan Islam itu patut kita ulangkan, patut kita teruskan dengan mengadakan Seminar² tahunan dan mengkaji segi² Islam dan kesedaran kemanusiaan supaya persefahaman yang lebih rapat antara kita dengan penduduk² di-sana yang berbagai² ugama antara kita dengan negeri lain yang mengambil bahagian dalam Persidangan itu.

Sekarang saya beredar kepada Sub-head 15, Lawatan Sambil Belajar. Pada tahun ini peruntukan ada sa-banyak \$700,000 dan berkurangan sa-banyak \$106,000 lebih daripada tahun yang lepas. Saya sukachita dan besar hati bahawa ranchangan itu di-teruskan lagi pada tahun 1965 ini, dan saya suka menhadangkan oleh kerana sekarang kita telah membuka jalan baharu, banyak kita menghantar rombongan² lawatan sambil belajar itu kepada negeri Afro-Asia, pada masa dahulu kita telah menghantar kepada negeri Jepun yang lebih maju dengan negeri lain agak-nya, daripada negeri kita, akan tetapi negeri² Afro-Asia di-sebelah sana tidak ada satu rombongan pun yang kita hantar. Pada tahun ini kita perlu meninjau dan kita perlu kenal, kita mahu kenal Algeria, kita mahu kenal Morocco, kita mahu kenal Mali, kita mahu kenal Nigeria, kita mahu tahu keadaan di-sana. Kesedaran akan lebih di-dapati kepada orang² yang mengambil bahagian dalam lawatan sambil belajar itu jika

dia pergi ka-negeri² barangkali hampir sa-rupa dengan negeri kita, macham mana keadaan di-sana di-bandingkan, itu baharu-lah timbul kesadaran yang sa-benar-nya, sa-takat mana patut kita perbaiki lagi. Kalau hanya pergi ka-negeri yang maju sahaja, pergi ka-Amerika sahaja atau Britain sahaja atau ka-negeri Jepun sahaja hanya kita melihat ka-negeri yang sangat maju yang sukar kita kejar, tidak dapat kita hendak membuat apa². Sa-telah di-hantar orang² itu ka-negeri² yang kurang maju, harus-lah pula kita hantar ka-negeri² lebih maju sedikit atau lain²-nya. Jadi saya suka-lah menhadangkan supaya kesempatan yang terbuka dengan lebih luas di-Afro-Asia itu kita gunakan dengan sa-penoh-nya dengan study tour ini. Apa lagi ini boleh merupakan satu hubungan kebudayaan kita sambil menghantar mereka study tour, kita jadikan rombongan itu sebagai pertukaran lawatan kebudayaan antara negeri kita dengan negeri itu, dan kita chari saloran² yang boleh menghubungkan lagi dengan lebih rapat lagi dalam segi kebudayaan, dalam segi pelajaran, dan berbagai² segi lagi di-dalam negeri Afro-Asia sana di-dalam lawatan² itu kelak. Terima kaseh.

Enche' Ong Kee Hui (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I rise to make some observations on Head S. 1 of the Budget—I refer specifically to Item 5, Grants to Commonwealth Parliamentary Association. In this respect, we in the Borneo States, particularly in Sarawak, were very glad to have visits in the latter part of this year from teams of Members of Parliament and also Members of the Senate to our States, because we feel that it is very important in the present state of our new nation of Malaysia that parliamentarians, who are responsible for the formulation of policy which affects the life and happiness of the peoples of these States, should get to know the country and also get to know the people, and I just wondered whether it is the Government's policy to continue to foster such visits on the part of Members of Parliament and Senators to our States. Speaking for the

people from there, certainly from the Capital of the State of Sarawak, I could say that we welcome such visits; we welcome the opportunity of meeting our colleagues in this House in our own ground and explaining to them some of our problems. Similarly, Mr Chairman, I think some useful purpose would also be served if, after each parliamentary session, Government made it possible for some of the Members of Parliament/Senators from the Borneo States to visit some of the mainland States of Malaysia, because some of us, while knowing certain parts of Malaysia, are quite ignorant, I think, of the state of affairs in certain of the more remote States, particularly those States in the eastern part of the mainland. It is by such contacts which have been made that we can grow to understand each other.

In this respect, also, I would like to support what the Member for Batu has said about the need for identification of speakers in this House, because some of us are still not able to recognise speakers in this House. Perhaps I might make a suggestion that if a speaker rises, someone—either you, Mr Speaker, or the Clerk—might call the name. I think, in this respect, we would be able to know who is actually speaking; the Press would also know who is speaking. Speaking for myself, Sir, I have known that at least on two separate occasions I had been attributed a speech which I did not make in this House and somebody else had been given the honour or the odium of a speech which I had made. These are the two observations which I wish to make on this Head.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, may I come to Head 3, Sub-head 1, Auditor-General, on page 35. Mr Chairman, Sir, I think it was during the July sitting of this House and also during the October sitting of this House that I brought to the attention of this House of a surprise check made at the Jinjang Local Council and I extracted a promise from the Prime Minister that he would table in this House a report of that surprise check. Mr Chairman, Sir, perhaps the

wheels of Government grind very slowly and it may be, perhaps, in another year that we may get a report. But, Mr Chairman, Sir, I have here a report of the Auditor-General on the Accounts of the State of Selangor for the year ended 31st December, 1963, and although it is a report for the year ended 31st December, 1963, it does make a reference to this unsatisfactory state of affairs in the Jinjang Local Council. For the benefit of the Assistant Minister it is found on page 6, paragraph 83.

Mr Chairman, Sir, I crave your indulgence to read the relevant part:

“Despite Audit criticism in 1963, the Local Council, Jinjang, continued the practice of cashing personal cheques out of the Council's revenue collections.”

Here, Mr Chairman, Sir, if I may deviate from the report, I might add that lots of these personal cheques had bounced. The practice ceased only after August, 1964—the surprise check was made on 1st July, 1964—after further observations have been addressed to the Council and the District Officer. The stated object of this practice was to avoid having cash on hand overnight. If this was so, it appears that there were continuous and serious delays in presenting the cash cheques to the bank.

Mr Chairman, Sir, the Auditor-General concerned has been very kind and has been euphemistic and glossed over what to me was a very serious state of affairs. In view of this report, Mr Chairman, Sir, I again call on the Honourable Assistant Minister concerned that there should be no delay in presenting to this House a full and complete report of that surprise check made on 1st July, 1964.

I ask the Government one direct question: Are they for honesty and an incorruptible system in the local councils, or do they connive in corruption? If they do not connive in corruption, then they must present that report as early as possible.

Mr Chairman, Sir, I shall now come to Head S. 7, page 51, item 1, Emoluments of the Prime Minister.

Mr Chairman, Sir, to me the salary of the Prime Minister is far too low. The Prime Minister gets only \$1,000 more than his other Cabinet colleagues. Now, Mr Chairman, I hope Honourable Members of either side of the House will not accuse me of trying to attract the attention of the Prime Minister, in trying to get a few perks overseas or, perhaps, that I may be preparing my way to crossing the floor as an associate member of the UMNO or the M.C.A. Mr Chairman, Sir, far from it I intend to remain in this seat for the next five years, and I do not seek any perks from either the Prime Minister or the Government. I have no need for such perks, Mr Chairman, Sir. I only wish to say that the salary given to the Prime Minister is totally out of proportion to the heavy burden that he has to bear in the course of his duties. I do not wish to propose an increase now, because this country is facing confrontation and all of us have to make sacrifices. But if and when confrontation ends and the finances of the country are in a healthier state, I do hope that the Government and the Cabinet in particular will see to it that the Prime Minister of this country—be he from the P.A.P. Government or the P.M.I.P. Government or even the Socialist Front Government (*Laughter*)—should get a far larger remuneration than that of only \$1,000 above that of his other Cabinet colleagues. In the United Kingdom I believe the gap is a much higher. I think the Prime Minister—I am not referring in particular to the present incumbent but to the future incumbent—that should deserve and should get a much higher salary. Again, Mr Chairman, Sir, before I finish with the subject, I wish to say that I am not seeking for perks from the other side.

Mr Chairman, Sir, I now come to page 58—again, it is on Head S. 7—under the heading *Surohanjaya Khas Gaji* or Special Commission on Salaries. I hope the Assistant Minister has got the page. Mr Chairman, Sir, in speaking on the appointment of a Special Committee to review the salaries of Government servants, let

me first of all, congratulate the Government on its decision to have this review committee. We know that this decision was taken just before the last General Elections as an election stunt, and I do hope that the Government will not let this remain an election stunt. Already it appears that this Commission may be nothing more than another stunt. Normally a Commission of Inquiry is welcomed in the hope that it will put right the wrongs that have been perpetrated—I do not refer to the MacGregor Bounty. Mr Chairman, Sir. However, this Commission of Inquiry has received a great deal of opposition and criticism even before it gets started. First of all, the composition of the Commission is far from right and desirable. The Government has appointed the Chairman of the Public Services Commission of Singapore as one of the members of this Committee. This is a wrong and undesirable decision. It is wrong because a person who is the Chairman of the Public Services Commission is indirectly the employer of Government servants and also an employee of the Government. As such, he is both the plaintiff and judge. He cannot discharge his duties as a member of the Commission with impartiality and with independent thought. As such, he must be replaced, Mr Chairman, Sir. Let me hasten to add that I have nothing against the appointee *per se*. I repeat, I have nothing against the appointee *per se*. I have known him for more than a quarter of a century since we joined college together and we are still very good friends. He is a brilliant, efficient and a competent person, but for the fact that he is the Chairman of the Public Services Commission in Singapore, I would have not objected to his appointment.

Mr Chairman, Sir, in this connection, may I quote from the *Malayan Times* of 30th November, 1964, which is a release from the joint body of the CUEPACS and the A.U.P.E. The relevant portion states:

“While the Singapore representatives and the 27,000 members that they represent do not have confidence in Dr Phay Seng Whatt, C.U.E.P.A.C.S. deplores the appointment of

a person drawing remuneration from public funds to the Special Committee on Salaries.”

Mr Chairman, Sir, this is a release from both CUEPACS and the A.U.P.E. I hasten to add and to make my position quite clear: I do not agree with the first observation that they have no confidence in Dr Phay Seng Whatt. I have every confidence in him as a person *per se*, but I think it is wrong in principle to appoint a person who is the Chairman of the Public Services Commission, who is already attuned to certain set of rules, and to ask him to change that set of rules and be a party to it is, I think, a little difficult mental acrobatic.

Mr Chairman, Sir, the second grouse is over the unprecedented decision of the Government to exclude the Railway Service from the terms of reference of the Commission. All committees have considered the salaries of Government servants since they have always taken the Railways to be part and parcel of Government Service. The recent court battle by the Railwaymen's Union of Malaya has established beyond doubt that the Railway Employees are Government servants. Therefore, it is inexcusable and unpardonable of the Government to refuse to include them in the terms of the Review Commission. This is an inalienable right of the railway workers and, as such, unless they are included the Commission will fail in its work. CUEPACS, which represents all the Government workers, will definitely co-operate with this Commission if the Railway workers are included.

Then, again, the terms of reference are further restricted in that Clause C (iii) reads as follows:

“In making its recommendations, the Commission shall take into account the financial and economic situation of the country.”

Mr Speaker, Sir, this is a most ridiculous Clause to be included. It means that the Government can create a situation which would not enable the Commission to make any appreciable increases in salary if at all there can be any. It implies that the most important and relevant factors applicable to deciding upon a fair and

suitable salary for the Government servants will have to be ignored by the Commission. The Commission, if it follows this Clause strictly, cannot consider the rates of salaries given by private firms for similar jobs and similar qualifications. The Commission could not consider the importance of Government servants and their status and it cannot recommend salary scales comparable with those of other countries. Therefore, this is wrong and must be removed.

The salaries and conditions of service of Government servants must set a lead for other private employers to follow. Government has to be a model employer if it wants to improve the lot of the workers. The scale proposed must be such that it will encourage an honest, efficient and incorruptible brand of Government servants who are kind, courteous and sympathetic to the people. But such restrictive terms of reference will only hinder the Commission from making its recommendations fairly and in the best interests of the service. Sir, if the Commission fixes a salary that would enable the Government servant to give off his best and, if the Government should find that it is unable to bear the burden, or the times demand a reduction or increase, then the Government could increase or reduce the amount of emoluments according to the financial and economic situation of the country.

Mr Chairman, Sir, may I have your permission to quote a few more extracts from this press release? It says:

"All hearings of the Commission should be held in public. All memoranda submitted by employers should be made available to the Unions, and all memoranda submitted by the Unions should be made available to the employers and each should be permitted to comment on the memoranda. The employers, trade unions and associations permitted under paragraph 7 (3) shall have a right to call expert witnesses to testify before the Commission and such witnesses shall be subject to examination and cross examination in public."

Sir, the press release further states that the Special Commission on Salaries shall finalise and make its

Report to the Government within six months from the closing date of the submission of the memoranda, that the Government shall publish the Report within one month from the date of the submission of the Report, and that the benefits accruing from the Report shall be retrospective from the 1st January, 1963. Therefore, I urge the Prime Minister, through the Assistant Minister concerned, to review the composition of the Commission and the terms of reference in order that the decision of the Government would not prove to be an election stunt to win over the votes and influence of the Government servants as they indeed did during the last elections.

May I now come to Head, S. 9. Sub-head 8 on page 79, Majlis Whitley? I wish to talk about the Whitley Council and the grouses of the Government clerks over the failures in the clerical examinations. Mr Chairman, Sir, I wish to put before this House the frustrating attempts made by Government clerks to overcome the obstacle of passing the Government Clerical Service Examinations.

The number of failures at each examination is so vast and unbelievable that any person, however, determined, might be dissuaded from attempting this examination. It is indeed remarkable that, year in and year out, large numbers of Government clerks have again and again attempted to overcome this hurdle which becomes more and more insurmountable with the passage of time.

Recently, their dissatisfaction has found expression through their unions, and the Government has been adamant over their pleas. I have raised several questions in this House and the Prime Minister, in his reply to my written question, has stated that the Government does not consider it necessary to appoint a Committee to study and report on the alarming failures in these examinations.

I am indeed surprised at the attitude of the Government. The Government cannot but be blind to the large number of failures and more so at the incredible percentage of failures. Let

me quote from the answers given since Merdeka. In 1957 April, there were 56% failures and 44% passes. But in April 1958, the failures were 79%; from 1958 to 1960 the percentage of failures steadily increased from 72% to 79%. But from 1961 to 1963, the percentage of failures has, but for one examination, been well above 90% and has gone as high as 96% in 1961 and 1962. Mr Chairman, Sir, I do not consider these clerks as congenital idiots. After all, if they are congenital idiots, then how on earth they got into Government service? I do not consider it is the fault of the Government servants that they have tried and they have failed, as I shall show.

This shows that either the Government has purposely used this examination to block the promotions of the clerks or the clerks have become disinterested in the examination. Is there what is generally called a limitation or quota system of passes? Thus, if there are only one hundred vacancies in the higher grades, only one hundred examinees are allowed to slip through the hands of the examiners. But the number of clerks who sit for this examination has increased as can be seen from the fact that, while there were only 310 in 1957, there were no less than 1,308 in 1963—a rise of over 400%. Therefore, it cannot be said that the clerks have lost interest in their work and studies. As such, the only conclusion that can be drawn is that Government has made this examination an obstacle to limit the number of clerks qualified to be in the higher grades of the service. This is, indeed, a mean and stupid way of doing things. It shows a lack of interest not only in the plight of the clerks but also in the service that the public get. It is most deplorable and the Government should pay great attention to this matter. While this is most infuriating and frustrating to the clerks, it creates an attitude of "*tidapathy*" towards the public. As Government exists for the benefit of the people it should see to it that there is no discontent or dissatisfaction in the service. The public who are at the receiving end

suffer most from this. Inefficiency in the clerical service will bring stagnation of work and delay and frustration to senior officers and the public. As such, it is imperative that Government changes its attitude immediately towards the purpose of this examination. The examination should be reviewed and every assistance should be given to clerks to become proficient in their jobs, which should be rewarding both to themselves and to the public.

It has been stated that Government does not intend to lower the standard of the examinations. But in my opinion the standards have been greatly raised. If not, there can be no explanation for the alarming disproportion of failures to passes. It baffles all logic and educationally accepted norms. It shows that a large percentage of the clerks in the service are ineducable idiots, which they are not. Just now I referred to them as being not congenital idiots, as almost all of them have gone through at least eleven years of schooling and have passed the School Certificate. Therefore, the fault is in the examination, the assessment and the underlying policy of the Government to sacrifice efficiency for small monetary savings whilst huge fortunes are wasted in prestige projects and comforts for the higher ups, blunders in planning, unnecessary quarrels and inefficiency galore. Therefore, it is time the Government gives a little attention to this vexing and frustrating examination so that the clerks can get their just rewards for the honest attempts they have made to pass this examination.

Mr Chairman, Sir, I come to page 68, Head S. 8., items (32) and (33) Special Allowance and Family Allowance. I have mentioned before—I believe during the last few days—that payments of this nature and allowances of this nature might give rise to the impression amongst the people in the Bornean territories that we are a colonial master and they are the colonies of this country. To me, special allowance is but a cloak for expatriation pay and all the odium that goes with it. You can cloak it

with what you like, but the Bornean people will ask: why these special allowance for these officers? Why not our officers also get a special allowance? Why should these people be treated like the heaven-born and we the subject people. The same criticism applies to family allowance because, I stand to correction if I am wrong. I think both these allowances are not given to the people of the Bornean States.

Mr Chairman, Sir, I have just one or two points before I call it a day. Now, I come to page 56, Head S. 7, items (110), (117), (123) and (129). All these refer to the huge bungalows at Fraser's Hill, at Cameron Highlands, at Penang and at Singapore. Mr Chairman, Sir, at a previous sitting of this House I had queried the expenditure of \$62,000 on furnishing the Rumah Persekutuan, Pulau Pinang. That was for furnishing, and today we are asked to approve of so many such, to me, big sums on these bungalows. I would like to have an answer from the Assistant Minister concerned as to how often are these bungalows used. The one at Penang, how many of the Cabinet Ministers have used it? Mr Chairman, Sir, I presume—if I am wrong, please correct me—that these are perhaps for the heaven-born like Cabinet Ministers. I do not know whether parliamentarians are allowed to step into such lovely bungalows. If we can, I shall be very grateful for an assurance from the Assistant Minister concerned that my humble self can step into such a palatial place like the lodge at Fraser's Hill. I think while it may be necessary to have some of the bungalows—perhaps when Duncan Sandys or perhaps now Arthur Bottomley comes here you may want to give him golf at Cameron Highlands, then you must have a good place for him to stay, venison, beer parties galore, maybe golf galore—why pass it on to the taxpayer? That is what I would like to know.

I again refer to page 58, Bahagian Hal Ehwal Malaysia—Malaysia Affairs Division. I have time and again pointed out to this House that in times past we had objected to the colonial masters.

There was a Colonial Secretary and there was a Colonial portfolio in Britain known as the Colonial Office—now it is changed to Commonwealth Office. I think this term is an odious one and might well give offence to the people in Borneo. While it may be necessary to spend some of the sums listed there, I think a happier choice of the title may be sought for by the Government. Malaysia Division might give rise to the impression that we are an imperialistic Government colonising the Bornean States and we do not want even to give that impression, let alone have it blatantly put down in our Estimates.

Mr Chairman, Sir, may I go on to a few more items. If I may comment again on page 64, item (42), I shall be grateful for a clarification from the Assistant Minister concerned. The Honourable Member for Pasir Puteh has brought out the objections to the use of yellow colour, that being the colour of the royalty. Mr Chairman, Sir, I rise to object to it on different grounds altogether and that is I think it is an entirely and totally unnecessary item of expenditure not in keeping with our times. We heard the Member for Pasir Puteh say that there is already a red carpet in the residence concerned. If so, why is it necessary to spend \$6,100 on such a thing? This is what I call an unnecessary item of expenditure. This is where I say that if the Government wants the country to rally round behind it and tighten its belt, then it should start tightening its own belt and make sacrifices where it is necessary.

Mr Chairman, Sir, if I may continue for a little more. I just want to re-echo what the Member for Pasir Puteh has said regarding the cleaning of this building itself. I do not know whether this House knows that we are spending \$9,000 a month on the maintenance of this House; that to me is a very big sum of money. I think the Government should look into this item more carefully. This House, I think, is let out on contract to people to maintain it. Perhaps if we employ permanent officers then it may be cheaper and when this House is not sitting, the

employees can then be shifted to other places where they may be needed.

Finally, Mr Chairman, Sir, to me the item of Light, Power and Water \$301,000 on maintenance of air-conditioning and all is a terrifically big sum of money. The Member for Pasir Puteh has stated why could not savings be effected if this House is not sitting. I do know that if this House is not sitting the air-conditioner is switched off; perhaps if this House is sitting and some offices are not in use, perhaps the air-conditioning load can be lightened.

I commend all these savings to the Government not because I am interested in hearing my own voice or in carping criticism but I think the Government might do well to examine very carefully these items of expenditure, as we on this side do look very carefully at them.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kota Bharu Hilir): Tuan Pengerusi, saya bangun berchakap di-atas dua tiga perkara sahaja, pertama saya berchakap S. 1 muka 2 ia-itu Pegawai Perpustakaan. Nampak-nya, Tuan Pengerusi, lebeh² lagi masa petang, kalau kita turun hendak menchari buku² di-kutub khanah itu nampak-nya pegawai yang tersebut tidak ada di-situ, bahkan kemarin dahulu Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Talikom sendiri pergi turun ka-tempat kutub khanah itu, dia juga tidak bertemu dengan pegawai² yang bertanggung-jawab di-situ. Saya sering kali turun untuk menchari buku², tetapi nampak-nya kejadian begitu, juga oleh yang demikian saya suka menarek perhatian kepada pegawai yang bertanggung-jawab dalam kutub khanah itu apabila masa Parlimen bersidang petang hari, hendak-lah dia pun ada di-sana juga. Kalau sa-kira-nya Persidangan Dewan ini dilanjutkan hingga malam, baik-lah pula dia itu dapat menjalankan kerja-nya di-waktu malam, kerana banyak anggota² dengan terkejut hendak membacha buku² yang mustahak yang bersangkutan dengan pembahathan dalam Rumah ini dapat-lah dia menolong-nya.

Yang kedua di-muka 32 Pechahan Kepala 19 perkara yang bersangkutan dengan ranchangan motokar atau Motokar Badge Ahli Dewan Ra'ayat. Saya chuma meminta kalau boleh sa-kira-nya pechah atau patah dan rosak badge itu baik-lah di-gantikan dengan tidak di-kenakan apa² bayaran. Melainkan kalau pada motokar yang kedua itu sayugia-lah di-adakan bayaran ka-atas-nya, tetapi kalau sa-kira-nya badge yang lama itu sudah patah atau rosak, pada fikiran saya untuk menggantikan sayugia-lah tidak di-kenakan apa² bayaran.

Yang ketiga S. 7 Pechahan Kepala 44 tentang pemberian kepada badan² Islam. Nampak-nya tahun ini Kerajaan telah membuat peruntukan chuma sa-banyak \$10,000 untuk memberi pemberian kepada Badan² Islam. Saya fikir ada-lah peruntukan ini sangat kecil, kerana kita tahu bahawa badan² ini sangat-lah berhajat kepada pertolongan daripada Kerajaan sebagaimana baharu² ini kita membacha surat² khabar, bahawa tidak kurang daripada 200 orang Melayu yang berugama Islam telah memelok ugama Christian, ini menunjukkan bahawa ada-lah perjuangan Christian Missionary itu telah berjalan dengan giat dan kuat. Mereka telah dapat pertolongan daripada luar negeri sama ada pertolongan dari segi kewangan atau pun pertolongan² yang lain. Dengan begitu saya fikir sangat-lah mustahak kalau Kerajaan kita pula melawan perkembangan Christian itu supaya dapat memberikan sokongan yang lebeh banyak lagi sa-kurang²-nya sebagaimana yang telah di-berikan pada tahun yang lalu ia-itu \$180,000 sakian-lah, Tuan Pengerusi.

Enche' C. V. Devan Nair (Bungsar): Mr Chairman, Sir, the remarks I intended to offer on Standing Orders and procedures and so on before this House, might be subsumed under Head S. 1, Sub-head 19, Conference of Speakers.

Sir, the Conference of Speakers would, no doubt, take up the keynote theme in the Honourable Minister of Finance's address and that keynote was harmonization of taxes, harmonization of reliefs, harmonization of

burdens, and harmonization of miseries throughout Malaysia; and we might also consider harmonising Standing Orders and procedures in the Legislative Assemblies in all the States of Malaysia.

I mentioned, Sir, that normal parliamentary practice was to adjourn the House for at least one week, if not more, after the Finance Minister had outlined his Budget proposals, in order to allow Members of the House sufficient time to study the documents, into the preparation of which months have gone; and not merely to allow Members of the House sufficient time to study those proposals but also to allow sufficient time for general public discussion to develop before Members come back to this House more informed and more able to deal with the Budget proposals. Unfortunately, Sir, there was a lapse of only two days between the time the Finance Minister made his Budget speech and the general debate on the financial policy embodied in that speech—and that, Sir, I think, is generally agreed as inadequate time.

Another point the Conference of Speakers might go into, Sir, is that, when considering the Budget in the Committee of Supply, a proper schedule of guillotine for every Head is worked out, so that we will not have a situation where Members keep on talking on the first few Heads and then suddenly the allotted time for Committee Stage is over and a vote is taken on all the remaining Heads without any debate at all having been conducted on those Heads—and this has happened, I understand, a number of times in the past. I would suggest in all humility that if guillotine time could be provided for discussion on Heads in Committee of Supply, then the debate could be spread out on all Heads and we would save ourselves from a situation where certain Members of the House, when they get up and start speaking, do not know when to stop.

There is only one last item, Sir, and that is on the Special Commission on Salaries which, I believe, is under Head S. 7 and which the Member for

Batu has already touched on, and that is the question of Railwaymen. Sir, the Commission's terms of reference have specifically excluded the conditions of employment of Railwaymen. This, Sir, contradicts the agreement made by the Attorney-General before the High Court to the effect that Railwaymen would be considered as Government servants and that all Railwaymen would automatically enjoy the rights, benefits, privileges, and so forth of Government servants. And coming after that

Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub:

Mr Chairman, Sir, the Attorney-General did not say that all the rights, etc., of Government servants would be accorded to the Railwaymen. In fact, the true position was that the Government, in submitting its defence to the Court, did not dispute the fact that these people were Government servants. It was so agreed as far as the statement of claim was concerned; but it was up to the Railwaymen themselves, if they wanted to claim rights and so on, to state which of the rights and so on should be accorded to them. As far as I am aware, Mr Chairman, Sir, the Attorney-General did not state to the Court that the Government would give all these Railwaymen this right, that right, and those rights.

Enche' C. V. Devan Nair: Mr Chairman, Sir, I have studied the proceedings before the Court and I am quite certain that, if the Honourable Assistant Minister will refer to that agreement, he will find out that there is, first of all, a concession that they would be regarded as Government servants, and secondly—I cannot remember the exact words as I do not have the document before me, but if the Honourable the Assistant Minister will study it, he will discover that—that there is a definite assurance that the benefits, privileges, advantages of Government servants will also accrue to the Railwaymen. That is my understanding, Sir, and I think I will be subject not to correction but to confirmation.

Sir, once you have a public acknowledgment that Railwaymen will be accorded the status of Government

employees, then I think it follows that when it comes to the terms of reference of the Salaries Commission their conditions of employment should also be included in the terms of reference. Otherwise, Sir, you would get a situation where Railway employees will suspect the *bona fides* and the sincerity of the acknowledgment conceded to them that they will be treated as Government employees; and in the interest of removing that suspicion, in a categorical manner and also in the line of logic, the terms of reference of the Commission should be modified, in my submission, Sir, to include Railwaymen—their conditions of employment, salaries, and so forth. Thank you.

Mr Speaker: The sitting is suspended till 4.30 p.m. today.

Sitting suspended at 12 noon.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap sedikit lagi dalam S. 2 mengenai Penyimpan Mohor Besar Raja². Dalam kedudukan pemerintahan kita yang ada pada hari ini, Penyimpan Mohor Besar Raja² menjadi pegawai perantaraan dalam Badan Kerja Pusat ini dalam pentadbiran ugama, kerana kuasa ugama ini dalam kuasa Negeri² dan dalam susunan yang ada pada masa ini, Penyimpan Mohor Besar Raja² itu-lah yang menjadi Pengerusi sebuah Jawatan-kuasa yang bernama Jawatan-kuasa Tetap Ugama Majlis Raja²—Standing Committee on Religion of the Conference of Rulers. Dalam Jawatan-kuasa Tetap Ugama ini yang di-Pengerusikan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja² ada-lah wakil² daripada seluruh Pejabat² Ugama Negeri dalam Tanah Melayu ini, dan pada Jawatan-kuasa ini-lah di-tumpu-

kan dengan harapan bagi memper-samakan, dan mempersesuaian segala tindakan² ugama yang di-jalankan di-tiap² Negeri dalam Tanah Melayu.

Satu perkara yang menarek perhatian saya, Tuan Pengerusi, masa kita menghadapi conference. Saya tidak mendengar satu arahan yang di-arahkan kepada tiap² Pejabat Ugama oleh Jawatan-kuasa Tetap Ugama Majlis Raja² ini bagi menyediakan satu atau beberapa khutbah Juma'at yang tertentu untuk memberi semangat menentang confrontasi menerusi ugama. Ini satu perkara yang sangat berkesan di-jalankan dalam negeri lain. Kita dalam kechemasan, kita dalam peperangan, maka semangat dan pengertian yang sa-benar-nya dari segi ugama tentang confrontasi adakah dia jihad menentang pencerobohan yang datang hendak melanggar negara dan tanah ayer kita harus-lah di-adakan di-tiap² negeri, harus di-salurkan kepada tiap² negeri dan sa-patut-nya-lah perkara ini di-lakukan menerusi Jawatan-kuasa Tetap Ugama Majlis Raja² yang ada di-sini. Dengan demikian kita dapat-lah mengatasi perkara ini, bukan sahaja di-Johor yang kita tahu ada mengadakan satu khutbah yang khas kerana confrontasi, kerana Johor di-serang seperti di-Labis, Pontian—saya rasa di-tiap² negeri lain dalam Tanah Melayu ini patut mengadakan seperti itu, Tuan Pengerusi.

Saya harap-lah walau pun pencerobohan sudah habis di-Pontian, tetapi sangat-lah mustahak pada masa ini confrontasi ini di-salurkan pengertian-nya dari segi ugama dalam khutbah Juma'at, kerana banyak lagi orang² yang tidak tahu apa dia confrontasi dan apa dia sikap ugama dalam masaalah confrontasi sedangkan ugama terang² menyuruh orang² dan pemelok² ugama Islam supaya menentang sa-barang confrontasi sabagai satu fardhu 'ain yang wajib bagi tiap² sa-orang yang menjadi warga negara negeri ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang di-nanti²kan oleh semua orang di-Tanah Melayu dan Malavsia ia-lah satu chara meng-standardkan—menyamakan susunan pentadbiran ugama

di-tiap² Negeri. Sekarang susunan Majlis Ugama Islam Kelantan berlainan dengan susunan Majlis Ugama Negeri Trengganu dan Johor dan juga di-tempat² lain, seperti di-Kedah, lain kedudukan-nya.

Satu chara persamaan harus diadakan dan harus di-pimpin dan di-pimpin oleh Jawatan-kuasa Tetap Ugama Majlis Raja² ini supaya persamaan dan standardization ini ada dan berlaku di-Negeri² di-Tanah Melayu dan Malaysia ini, maka dengan demikian dapat-lah di-chapai satu matalamat yang ta' dapat hendak di-chapai sa-lama ini, kerana susunan Pejabat Ugama ini ada pada negeri masing², tetapi dengan ada-nya satu *co-ordinator* yang ada di-pusat ini, maka akan dapat-lah soal ini di-jalankan, dan saya harap di-jalankan dengan sa-berapa segera yang boleh.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, kita telah mendengar sa-tahun atau dua tahun yang lalu, dan barangkali Ahli Yang Berhormat dari Jitra-Padang Terap pun menunggu² tentang soal menyatukan Undang² Nikah Cherai di-seluruh Negeri² Tanah Melayu—Undang² Nikah Cherai Islam. Saya faham bahawa perkara ini sudah di-setujukan oleh pihak Kerajaan Pusat, tetapi ini terserah-lah kepada Kerajaan Negeri masing² dan di-salurkan menerusi Jawatan-kuasa Tetap Ugama ini yang sampai pada hari ini sudah lebeh dua tahun, apa kesah, apa cherita chadangan untuk mengetatkan Undang² Nikah Cherai di-Tanah Melayu kita ini. Saya rasa maseh belum di-putuskan dengan mu'tamad oleh Jawatan-kuasa Tetap Ugama ini, kerana mungkin ada sa-tengah² Negeri yang belum lagi memberi keputusan-nya, atau kata mu'tamad, atau kata pemutus pada sa-tengah bahagian daripada undang² itu: pada hal perkara ini bukan boleh di-tunggu sa-tahun, dua tahun, atau lima tahun, tetapi harus di-lakukan dengan sa-berapa segera yang boleh hendak menyekat akan bahaya dan benchana² yang di-timbulkan oleh Undang² Kahwin yang longgar, yang ada pada sa-tengah² negeri, dan pada banyak negeri, sedangkan Islam tidak menyuroh Undang² Islam itu longgar,

tetapi hanya kita hendak berpakat, hendak berkira, hendak mengadakan satu jenis bentok undang² yang tidak keluar pada dasar Islam yang lebeh ketat dalam mengawal perkahwinan dan percheriaan di-antara orang² Islam.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi mengenai hal ini dan tentu-lah juga ada dalam perhatian Jawatan-kuasa Tetap Ugama yang di-pengerusikan oleh Penyimpan Mohor Besar ini, ia-lah tentang gaji guru² ugama di-negeri² ini tidak sama, di-Kedah lain gaji-nya—\$60.00, \$100.00, \$105.00, di-Johor lain, lebeh tinggi sadikit, di-Perak lain, di-Perlis lain, di-Kelantan lain dan di-Trengganu lain. Maka itu-lah sebab-nya sangat mustahak penyatuan pertubohan ini di-jalankan—di-standardkan kemudian dapat-lah di-samakan tingkatan² gaji guru² ugama dengan taraf yang sesuai bagi guru² ugama ini dan guru² ugama ini sekarang memainkan peranan yang mustahak kapada masharakat di-luar bandar mereka menjadi pemandu, mereka menjadi pemimpin, kita berkehendakkan masharakat luar bandar bangun, kita berkehendakkan masharakat luar bandar maju maka jalan menyampaikan semangat dan menanam semangat ini menerusi guru² ini. Jadi kalau mereka itu tidak di-beri layanan yang sa-patut-nya oleh Kerajaan, oleh masharakat, oleh negara, maka mereka menjalankan tugas-nya dengan sambil lewa sahaja maka kechewa-lah kita, Tuan Pengerusi, dalam satu tugas hendak membangunkan semangat dan rasa pembangunan masharakat terutama sa-kali dalam kawasan luar bandar.

Bersangkut dengan ini, Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh sadikit; ini di-bawah tadbir Majlis Ugama masing² dan tentu ada dalam pandangan Jawatan-kuasa Tetap Ugama yang di-pengerusikan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja² ini tentang gaji orang² lepasan daripada Masir dan Maktab² Ugama tinggi luar negeri. Di-Trengganu \$310.00, di-Kedah \$310.00, di-Negeri Sembilan barangkali rendah lagi, di-Johor \$415.00 dan \$450.00 tidak ada penyamaan dan tidak sepadan pertimbangan di-beri

kapada orang² yang ada ijazah tertinggi di-dalam ugama dalam masha-rakat kita pada masa ini, oleh sebab itu-lah kita tidak nampak banyak orang² yang di-atas memainkan yang patut mereka mainkan dalam masha-rakat kerana penghargaan yang di-beri kapada mereka itu tidak sa-timpal pada hal ini kalau dapat di-ambil perhatian berat menerusi penyamaan pentadbir ugama tadi menerusi jalan² yang lain, menerusi desakan Jawatan-kuasa Tetap Majlis Ugama ini maka mereka dapat-lah di-beri penghargaan yang sa-timpal dengan mereka dan dengan yang demikian mereka dapat memainkan peranan yang penting dalam masha-rakat pada masa ini. Saya berhakap ini, Tuan Pengerusi, bukan-lah kerana saya lepasan daripada Masir tetapi ia-lah memandang kapada satu kedudukan yang tertentu, yang harus di-ambil perhatian berat oleh masha-rakat, oleh negara dan oleh Kerajaan, terima kaseh.

Enche' Ong Kee Hui (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to refer to Head S. 4, Election Commission. In looking through this Head, I find that although reference has been made in several places to provisions for various States, the Borneo States are conspicuous by their absence. I heard some reference to the Borneo States when the Honourable Assistant Minister made his explanation on this Head, but I am afraid he was going so fast that I did not quite catch what he was saying.

Sir, I refer to this particular point because, if I am not mistaken, under the provisions of the Constitution, two years from Malaysia Day, arrangements will have to be made to mark constituencies in Sarawak for direct election and if no provision is made in 1965, I cannot see how this could be brought about unless there are other Heads under which this expenditure could be committed. I would, therefore, like to seek a clarification from the Honourable Assistant Minister as to what arrangement is intended with reference to this subject and whether it is the intention of the Government to carry out the necessary

arrangements as required under the Constitution.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya berhakap pada petang ini tidak hendak menyentoh banyak dan saya chuba berhakap sa-berapa banyak yang saya hendak berhakap dengan sa-kali gus ini supaya menyenangkan Tuan Pengerusi tidak menimbangkan dua kali pada Ahli².

Saya suka bangkitkan di-Kepala 7, Sub-head 12, ia-itu Pertandingan Membacha Quran Tahunan. Perbelanjaan tahun ini sama dengan tahun yang lepas sa-bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat yang berhakap dahulu, peruntokannya \$45,500. Ini tidak chukup kerana pada tahun ini pertandingan telah di-besarkan, pertandingan wanita pun ada dan pelawaan kapada negeri² lain di-jemput sama. Tetapi apa yang saya tumpukan dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, ia-lah chara istiadat dalam pertandingan membacha Quran ini, yang pada hemat saya patut mendapat perhatian bukan sahaja daripada Jawatan-kuasa Pertandingan Membacha Quran itu tetapi daripada Menteri yang berkenaan.

Mengikut lazim, apabila tamat sahaja pertandingan membacha Quran hadiah pun akan di-beri. Pada masa itu penuntun² yang ada di-Stadium Negara atau Stadium Merdeka berpusu² keluar, kemudian lagu Negara-Ku di-bunyikan, penuntun² pun berpusu² keluar juga. Pada hal kita tahu, bila lagu Negara-Ku di-bunyikan sa-patut-nya ra'ayat ta'at setia, tahu lagu Negara-Ku sa-patut-nya di-hormati, tetapi keadaan² yang biasa berlaku, perkara ini berlaku sahaja. Pada masa itu dzif² kehormat—Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, wakil² Kerajaan asing, para Diplomat luar sama mera'ikan istiadat penyudah, apa-lah salah-nya kita beri penerangan bahawa sa-nya penuntun² tidak di-izinkan keluar sa-masa lagu Negara-Ku itu di-bunyikan. Jadi, ini-lah perkara yang menjadi manek perhatian saya dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi.

Pada tahun yang sudah pun saya beruchap tetapi jawapan Menteri Yang Berhormat, tidak ada kuasa menahan orang ramai daripada keluar. Jikalau saya boleh beri jawab, saya jawab-lah, kita tidak ada kuasa tetapi ikhtiar supaya penuntun² itu tidak keluar itu ada, kita beri tahu, kita tutup pintu jangan mereka keluar; banyak ikhtiar yang lain boleh kita buat.

Sa-lain daripada itu, kita berharap pertandingan membacha Quran kali ini tidak berlaku sa-macham tahun yang sudah, sa-kali pun dalam Dewan ini telah di-beri ingat bahawa tempat yang di-chadangkan di-Stadium Negara itu sempit, boleh jadi kepaya-han berlaku. Tetapi ingatan di-buat di-dalam Dewan ini dahulu, pehak yang berkuasa pertandingan itu tidak menyiasat lebeh dalam tetapi kita harap pada tahun ini keadaan yang berlaku pada tahun sudah, pertukaran tempat majlis pertandingan itu dalam masa pertandingan di-jalankan, tidak akan berlaku pertukaran lagi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya menyentoh S. 7, Sub-head 15—Lawatan Sambil Belajar. Masaalah kekurangan pada tahun ini daripada tahun yang dahulu telah di-nyatakan di-dalam Anggaran kita—\$106,000 kurang daripada tahun yang sudah. Apa-kah sebab² kekurangan ini tidak-lah saya tahu, mungkin di-sebabkan sudah banyak orang² yang lulus daripada mengambil kesempatan melawat sambil belajar ini. Tetapi apa yang saya menarek perhatian supaya dapat di-timbangkan, Lawatan Sambil Belajar ini saya sangat bersetuju kalau sa-kira-nya rombongan kebudayaan daripada Sabah dan Sarawak di-bawa melawat ka-Tanah Melayu ini, dan di-bawa melawat menengok kebudayaan² kita di-negeri ini saperti di-Pantai Timor dan menengok kebudayaan orang² asli, atau kita bawa kebudayaan kita ka-Sabah dan Sarawak umpama-nya supaya mereka tahu dan mengenali satu sama lain. Saya berasa hampa dalam lawatan saya baharu² ini ka-Sabah dan Sarawak, kerana saya tidak menengok, dengan chara langsung, kebudayaan saudara saya orang² Iban dengan sa-chara asli.

Jadi dengan sa-chara melawat sa-macham ini, bukan sahaja mendapat tahu dan faham serta kaseh mesra mengenal satu bangsa dengan bangsa yang lain. Sa-lain daripada itu saya suka juga-lah mengeshorkan kepada Menteri Yang Berhormat di-samping kita mengizinkan melawat sambil belajar itu, bukan sahaja kepada orang ramai, tetapi saya minta-lah kaki-tangan Kerajaan sendiri patut-lah di-masokkan dalam ranchangan melawat sambil belajar itu.

Sa-lain daripada itu saya berjangkit kepada masaalah Kepala Kechil 16, Berlateh Keluar Negeri. Daripada tahun dahulu peruntokan \$95,000 pada tahun yang akan datang hanya \$25,000 sahaja; saya tidak tahu mengapa peruntokan itu di-perkechilkan sama ada latehan luar negeri tidak mustahak. Pada hemat saya sunggoh pun ada latehan dalam negeri ini, tetapi latehan luar negeri, memberi pengalaman kepada pegawai² kita, sangat mustahak. Jadi saya harap pada tahun yang akan datang perkara sa-macham ini dapat di-pertimbangkan lebeh lagi.

Sekarang saya suka masok kepada Surohan Jaya Pilehan Raya. Ini bukan sahaja ada di-negeri kita, tetapi juga di-adakan di-Sabah dan Sarawak. Di-Sarawak ada Majlis Municipal Kuching sendiri, tetapi kita tahu Ahli Majlis Bandaran Kuching itu tidak mendapat satu² elaun kerana khidmat-nya. Sa-panjang yang kita faham 4 juta ringgit lebeh, hasil yang di-kutip oleh Majlis Bandaran Kuching itu sendiri, jadi sama ada Pilehan Raya itu langsung atau tidak langsung di-lakukan di-Majlis Tempatan Kuching itu, itu tidak menyebabkan mereka tidak dapat elaun, jadi ini-lah soal yang saya minta Menteri Yang Berhormat dapat menerangkan-nya. Yang akhir sa-kali saya berjangkit kepada Kepala Kechil 7.

Mr Speaker: Saya tidak berapa dengar Kepala Kechil berapa?

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussein: Kepala 7 Sub-head 1, Perdana Menteri, \$4,000. Ini-lah petang pertama saya dengar pehak pembangkang

atau lebih tepat Barisan Socialis mengemukakan kepada Kerajaan.

Dr Tan Chee Khoon: Front Socialist Ra'ayat Malaya yang mengemukakan perkara ini.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussein: Dalam bahasa Melayu Socialist Front dengan Barisan Socialis itu sa-rupa sahaja ma'ana-nya (*Ketawa*). Dia telah membawa masalah gaji Perdana Menteri pada petang ini. Saya dengar Socialist Front bawa hal itu, perkara yang menjadi antisari yang menarek perhatian saya ia-lah Barisan Socialis mengakui bahawasa-nya tanggung-jawab Perdana Menteri dalam mengendalikan negeri ini di-akuī oleh Socialist Front sendiri. Yang sa-lama ini dia tidak mengakuī, chuma petang ini dia mengakuī bahawa tanggung-jawab Perdana Menteri berat, dia mengeshorkan kepada Kerajaan supaya gaji Perdana Menteri kita di-naikkan. Saya menyokong bukan-lah fasal masalaah naik gaji itu, tetapi ia-lah fasal bahawa tanggung-jawab Perdana Menteri di-akuī oleh pihak pembangkang yang kita tahu senentiasa kerjanya membangkang sahaja. Di-samping itu harus juga wakil Batu menghargakan khidmat Menteri² yang lain dalam Dewan ini. Saya harap dapat mendengar dari pembangkang² yang lain bagaimana pendapat dan pandangan-nya terhadap perkara ini dan terhadap pandangan yang di-keluarkan oleh wakil dari Batu itu.

Enche' Ali bin Haji Ahmad (Pontian Selatan): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja ia-itu dalam Kepala 4 muka 42.

Mr Speaker: Muka berapa?

Enche' Ali bin Haji Ahmad: Muka 42, S. 4 dalam Lain² Hal, Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun No. 5. Perkara ini ia-lah pendaftaran pengundi dan penyemakan sa-mula daftar pengundi, "registration of electors and revision of electoral roll". Saya dapati dalam Pilehan Raya yang lepas, banyak daripada orang² yang berhak mengundi telah tidak dapat mengundi, oleh kerana nama mereka itu tidak ada dalam Daftar Pengundi. Kalau saya ambil chontoh dalam kawasan saya di-

Pontian Selatan, dalam sa-buah kampung paling tidak, ada 20 orang yang tidak dapat mengundi, kerana tidak ada nama-nya dalam Daftar Pengundi itu. Jadi kalau satu kawasan Pilehan Raya ada 100 kampung, bererti paling tidak 2,000 ra'ayat tidak dapat mengundi. Apabila di-siasat, saya dapati bahawa sistem mendaftar pengundi itu tidak betul berjalan. Saya maksudkan bagini ia-itu pegawai² yang menjalankan kerja atau menyemak sa-mula Daftar Pengundi itu ada-lah di-pilih oleh Returning Officer, yang biasa-nya kalau di-kawasan Luar Bandar Pegawai² Daerah atau pun Penolong Pegawai Daerah kanan yang dudok di-bandar itu. Dan orang² yang menyemak pendaftaran ini biasa-nya di-ambil daripada orang² yang dekat dengan Pejabat Daerah itu atau pun rakan² Pegawai² Daerah yang hampir dengan bandar itu. Tetapi hendak menyemak Daftar Pengundi dalam kawasan kampung² yang jauh di-cherok² rantau. Pertama sa-kali orang² itu tidak kenalkan semua orang² dalam sa-sabuah kampung itu. Yang kedua, orang² yang datang daripada bandar² pergi ka-kampung², kadang² pagi dia pergi, tengah hari baharu sampai, dudok di-kedai kopi sa-kejap, lepas itu berebut hendak balek.

Jadi, masalaah-nya yang timbul ia-lah pegawai yang menyemak daftar pengundi itu tidak tahukan orang² yang ada di-dalam sa-sabuah kampung—tidak tahu semua. Kedua-nya jauh, dan apabila jauh tidak dudok di-situ, timbul-lah kechenderongan untuk bermalas², untuk mengelat² kerja sampai sahaja ka-dalam kampung itu dudok² dalam kedai kopi, bertanya siapa² yang ada di-situ. Jadi, pendaftaran itu di-kerjakan atas dasar khabar² angin. Ini mendatangkan selalu-nya nama yang sudah sedia ada itu di-potong bila di-tanya kepada orang² yang di-kedai kopi itu maka di-jawab entah-lah! saya pun tidak tahu, sudah lama saya tidak nampak, kata dia. Pendaftar ini terus-lah potong nama dia, katakan orang itu ta' ada dalam kampung itu lagi. Habis ta' fasal² nama-nya, oleh kerana sistem menyemak daftar pengundi sa-chara yang bagini.

Yang kedua-nya, oleh kerana pendaftaran atau penyemak daftar pengundi itu datang daripada kampung lain, orang² yang baharu chukup umur yang baharu masuk 21 tahun pada itu nama-nya ta' masuk, oleh kerana pada kali yang lepas nama-nya tidak ada dan pegawai itu tidak tahu orang itu sama ada sudah chukup umur-kah atau belum. Jadi, ta' di-masokkan terus. Jadi, ada dua golongan orang yang ta' dapat mengundi: Pertama orang² yang baharu meningkat 21 tahun ya'ani baharu meningkat kepada chukup umur untuk mengundi—ini ta' masuk. Yang kedua-nya, orang² yang sudah ada pun di-situ, tetapi oleh kerana bertanya² sahaja di-kedai² kopi, takdir orang itu berkata: "Saya sudah lama ta' nampak orang ini", dia terus potong—orang ini ta' ada kata-nya. Yang ketiga, bila datang ka-rumah itu takdir-nya orang itu tidak ada, rumah tutup, boleh jadi seluroh keluarga itu pergi menoreh getah pada sa-belah pagi, atau seluroh keluarga itu pergi bertanam padi. Dia tengok rumah bertutup, dia sangka boleh jadi rumah sudah tinggal, dia pun kata: "Potong nama seluroh orang rumah itu." Ini tidak memuaskan hati. Saya harap pihak Election Commission hendak-lah memandang berat pada kali ini dan pada kali² yang akan datang supaya pegawai² yang hendak menyemak samula pendaftaran pengundi ini hendak-lah terdiri daripada Ketua² Kampong itu sendiri, sebab Ketua² Kampong itu sendiri tahu segala anak buah-nya yang ada dalam kampong itu. Kalau kampong itu kampong orang Melayu, dia kenal semua orang² Melayu dan juga orang² China dalam kampong itu pun dia kenal semua siapa yang sudah agak² chukup umur, siapa yang belum dia tahu semua, sebab biasa-nya dalam kampong² ini tiap² orang kenal di-antara satu sama lain. Jadi, saya harap bahawa pada kali² yang akan datang, penyemakan sa-mula hendak-lah dilakukan oleh Ketua² Kampong, atau pun Ketua² Kaum. Mithal-nya kalau dalam masharakat China kadang² ada sa-tengah²-nya di-tempat itu ada Ketua orang China, jadi orang² ini-lah yang patut menjalankan kerja² ini, oleh kerana mereka ini tahu benar² sa-tiap orang di-dalam kampong mereka itu.

Sa-lain daripada itu, rasa-nya ini bukan-lah soal besar, tetapi agak kurang manis kalau selalu sangat kita dengar ya'ani selalu timbul tuduhan daripada orang² kampong, kalau hendak suroh kerja, panggil orang² kampong suroh kerja; kalau hendak derma, chari orang kampong minta derma, tetapi bila ada pekerjaan yang mendatangkan elaun maka di-beri kepada orang² yang di-bandar—siapa² yang dekat dengan pegawai² itu di-beri elaun, erti-nya ada pekerjaan yang mendatangkan elaun bagi orang² ini kerja. Jadi, Ketua Kampong yang berpenat lelah di-dalam kampong itu apabila ada pekerjaan yang mendatangkan elaun di-ketepikan begitu sahaja. Saya mengemukakan soal ini bukan-lah saya menganggap perkara ini begitu besar, tetapi kalau selalu sangat kita dengar rungutan yang saperti ini tidak manis, ya'ani hal yang sa-umpama ini merupakan sa-macham favouritism, atau sa-macham corruption. Saya ta' hendak-lah perkara ini berlanjutan lagi, dan oleh kerana itu saya suka-lah menarek perhatian kepada pihak Kerajaan supaya mengemukakan perkara ini kepada Election Commission supaya di-jalankan perkara ini supaya tiap² ra'ayat yang berhak mengundi itu akan dapat berhak mengundi dan juga terutama sa-kali bagi parti yang kuat, saperti Parti Perikatan. Kalau tidak-lah kerana hal yang sa-umpama ini, jumlah kelebihan undi saya lebeh bertambah lagi—paling tidak bertambah 3,000 undi daripada yang telah di-dapati pada pilihan raya yang lepas. Tetapi malang-nya oleh kerana kekurangan tentang pendaftaran pengundi² ini, maka kurang-lah; walau pun begitu saya mendapat undi sa-kali ganda lebeh daripada undi Socialist Front—rakan² Ahli daripada Batu.

Yang kedua-nya oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Batu itu menarek perhatian tentang soal gaji Perdana Menteri, saya rasa sudah sampai masanya kita menimbangkan. Saya tahu, Perdana Menteri sendiri tidak-lah sanggup hendak membawa soal penambahan gaji beliau sendiri, tetapi oleh kerana saya rasa kita memandang berat-nya bebanan Perdana Menteri dan berat-nya pula bebanan derma²

yang di-minta daripada-nya oleh orang² dan lain² lagi, maka saya rasa patut-lah di-timbangan perkara menaikkan gaji, atau pun kalau tidak hendak di-naikkan gaji, apa juga chara elaun-lah supaya dapat di-lebihkan untuk Perdana Menteri kita yang memegang tanggung jawab yang begitu berat terhadap keselamatan negara kita, terhadap kepentingan negara kita. Jadi, saya rasa kalau-lah sa-tiap parti dalam Dewan Ra'ayat ini mengemukakan pandangan-nya dalam perkara ini, ada baik juga—erti-nya bukan-lah Perdana Menteri sendiri yang mengemukakan kepada Cabinet untuk menaikkan gaji, tetapi parti² yang ada dalam Dewan Ra'ayat sendiri yang mengemukakan supaya di-naikkan.

Jadi, ini satu perkara yang baik, erti-nya bukan-lah Yang Teramat Mulia Perdana Menteri sendiri yang hendak menaikkan gaji-nya, tetapi Wakil² Ra'ayat yang memikirkan bebanan-nya dan tanggung jawab-nya dan berfikir bahawa sudah sesuai masa-nya gaji-nya di-naikkan dan sesuai-lah dengan gaji Perdana² Menteri di-negeri² yang lain. Patut juga saya sebutkan ia-itu gaji Perdana Menteri kita di-sini terlalu rendah, jika di-bandingkan dengan gaji Perdana² Menteri yang lain². Ada juga Perdana Menteri, atau pun President yang menjadi Perdana Menteri, gaji-nya—bunyi-nya rendah, 5,000 rupiah, tetapi serba serbi-nya di-tanggung oleh pemerintah sampai hendak makan udang galah pun di-order daripada Singapura—di-tanggung oleh pemerintah, erti-nya di-tanggung oleh Kerajaan, tetapi bagi kita: Soal yang sa-umpama ini tidak begitu. Jadi, terpaksa-lah kita menaikkan gaji Perdana Menteri.

Pada pagi tadi Ahli Yang Berhormat dari Ipoh juga ada menyentuh tentang perkara S. I muka 29 berkenaan dengan elaun Ahli² Yang Berhormat. Sa-bagaimana biasa, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu datang ka-Dewan Ra'ayat ini berchakap tanpa tanggung jawab menghentam dan sa-lepas itu chabut daripada Dewan Ra'ayat ini—ta' nampak muka-nya takut mendengar jawapan daripada orang lain. Jadi, tentangan-nya terhadap shor saya

menentang multi-lingualism dan menentang orang² yang hendak menghapuskan hak istimewa orang Melayu serta lain² bumi putera, daripada suku Kadazan, Iban, Murut, Kenyah dan lain² itu, maka saya ingin berkata di-sini ia-itu: "Saya di-undi ka-mari ia-lah oleh ra'ayat dan sa-bahagian yang besar daripada ra'ayat ini terdiri daripada orang² Melayu, Iban, Kadazan, Dusun, Murut, Kenyah dan lain² itu." Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu mengatakan saya tidak ada hak berchakap begitu dan saya tidak menyuarakan, maka saya chabur Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu supaya menentukan sikap dalam Dewan Ra'ayat ini, tanya-lah sa-tiap Ahli dalam Dewan Ra'ayat ini yang terdiri daripada orang² Melayu, daripada orang² Kadazan, Kenyah, Iban dan lain² itu sama ada mereka menentang atau tidak hak istimewa yang ada itu.

Jadi, kalau saya berchakap menentang penghapusan hak istimewa itu maka erti-nya saya menyuarakan fikiran atau pun consciousness—opinion seluroh orang² ini yang merupakan sa-bahagian besar daripada ra'ayat negeri ini. Tentang yang lain² tidak payah-lah saya sentoh ia-itu telah di-uchapkan dengan panjang lebar oleh banyak Ahli² Yang Berhormat dalam Majlis ini. Tetapi yang hendak saya terek perhatian ia-lah Wakil² Ra'ayat yang sudah di-bayar \$750 sa-bulan elaun-nya, datang ka-mari sa-mata² hendak berchakap dan hendak menghentam tanpa tanggung-jawab sama sa-kali dan kemudian chabut meninggalkan Dewan Ra'ayat, hilang tidak mahu dengar jawapan daripada Ahli² Yang Berhormat yang lain. Ini-lah tingkah laku yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu semenjak dari mula saya menjadi Ahli Dewan Ra'ayat ini. Dan perlu-lah juga saya terek perhatian Tuan Pengerusi, sama ada patut-kah tidak Ahli Yang Berhormat yang sa-umpama ini datang berchakap kemudian tinggalkan Dewan Ra'ayat ini tidak mahu dengar perbahathan sa-lanjut-nya, tidak mahu mendengar jawapan daripada Ahli² Yang Berhormat yang lain dan juga jawapan daripada Menteri², patut-kah Ahli yang sa-umpama ini di-beri elaun

yang chukup? Jadi, ini-lah saya menarek perhatian Tuan Pengerusi sendiri untuk menimbangkan soal ini. Ahli² Yang Berhormat yang tidak bertanggung-jawab sama sa-kali terhadap Dewan Ra'ayat yang mulia ini. Sakian-lah, Tuan Pengerusi.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan berkenaan dengan patut-lah Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini sama ada daripada party apa sa-kali pun mengemukakan kenaikan gaji bagi Perdana Menteri kita, bukan sahaja Perdana Menteri tetapi juga Menteri² dan Menteri² Muda yang lain² dan juga Ahli² Dewan Ra'ayat pun, Tuan Pengerusi (*Ketawa*). Tetapi yang saya hendak berchakap ini dan tidak menyokong saudara itu ia-lah perkara di-bawah Kepala S. 7, Pechahan Kepala 12, muka surat 62—Pertandingan Membacha Quran Tahunan, 1964. Tuan Pengerusi, ini pendapat saya sa-bagai Member of Parliament, saya tidak bersetuju di-adakan Pertandingan Membacha Quran ini. Boleh jadi orang lain daripada sana dan sini bersetuju tetapi bagi pihak saya sendiri, saya suka-lah peruntukan ini, kalau boleh-nya, di-potong buang. Sebab-nya, Tuan Pengerusi, Quran ini bukan untuk bertanding, dia itu sa-bagai buku law—penal code. Kita ajak orang² ini, mari kita lawan bacha penal code itu siapa sedap bachaan-nya; jadi saya pun chukup hairan dalam perkara ini. Buku law itu kita lawan bertanding membacha. Jadi yang pelek-nya kawan yang bacha itu tidak faham, yang mendengar-nya tidak tahu, kemudian dapat nombor satu pula dalam tidak tahu dan tidak faham itu. Jadi, ini . . .

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Untuk penjelasan, Tuan Pengerusi. Tidak-kah Ahli Yang Berhormat itu mengetahui bahawa Nabi Muhammad s.w.s. menyuroh pengikut²-nya membacha Al-Quran, menjelawahkan Al-Quran dan mentartilkan bachaan Al-Quran, tidak-kah ini satu perkara yang di-suroh oleh ugama yang di-anut-nya sendiri dan oleh party-nya sendiri?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya bersetuju yang Quran itu suroh di-bacha. Yang saya berchakap ini "bertanding", ini masaa-lah lain—tartil-nya itu lain.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tetapi perkara itu bersangkut dengan perkara ini. Saya hairan sa-kali sikap Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Interpretation itu tuan punya pentafsiran tetapi saya, "bertanding" ini barangkali Ahli² Yang Berhormat yang lain pun hairan apa yang di-tandingan itu terutama-nya Menteri² kita yang bukan Melayu yang tidak membacha Quran pun pergi, dia pergi menghormati-nya, dudok-lah dia, jadi erti-nya kita menggunakan Quran untuk bertanding sudah menjadi satu chandu bagi ra'ayat negeri ini. Kemudian, Tuan Pengerusi, . . .

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tidak-kah Ahli Yang Berhormat itu sedar bahawa Mufti Palestine sendiri memuji besar langkah yang pertama di-jalankan oleh kita di-Malaya ini, tidak-kah Ahli Yang Berhormat itu tahu bahawa Ulama² dari Masir sendiri pun memuji?

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Itu terpulang kapada saya, sama ada hendak menerima pendapat orang itu atau tidak. Saya mempunyai fikiran saya dalam memahami Islam. Tuan Pengerusi, satu chontoh yang saya hendak tunjukkan di-dalam Dewan ini walau pun saya tidak hendak berchakap panjang di-dalam kita menilai seni suara atau membacha Quran itu dalam satu ayat, kalau-lah di-bacha ayat yang di-pertandingan itu—"Uhil lalakum lailatas sia mir rafathu ila nisa ikum . . .". Jadi kalau suara-nya sedap kita pun mengangkat Ya Shiekh! Allah! Allah!. Ma'ana-nya bulan puasa kita tidak boleh makan pada siang hari tetapi bila malam, ho! ho! boleh! Bertepok-lah tangan di-situ. Tuan Pengerusi, ini satu langkah pada zahir-nya orang² yang chandu dengan membacha Quran dengan tidak memikir ma'ana-nya, akan mendapat sambutan yang baik dan boleh jadi saya sendiri dari segi Islam suka mendengar-nya; saya tidak menafikan saya pun

datang. Tetapi dalam chara² kita bekerja ini, Quran itu di-suroh lawan bertanding. Jadi bila saya ajak berperang sa-malam tidak mahu, lawan Quran mahu. Jadi ini-lah saya minta kalau boleh, Tuan Pengerusi, kita adakan majlis pertandingan ini menjadi pertandingan mengupas Al-Quran supaya benda yang kita pertandingkan itu boleh kita bawa di-dalam Dewan ini. Ini-lah yang saya maksudkan supaya perkara pertandingan Quran ini di-batalkan dan saya menentang ini satu kerja hendak menggunakan Quran itu menchandukan ra'ayat yang boleh berfikir, sa-kian-lah, Tuan Pengerusi.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya

ingin berchakap satu dua perkara sahaja di-dalam anggaran perbelanjaan ini. Yang pertama ia-lah S. 1, Pechahan Kepala 16 ia-itu dalam perbelanjaan khas—Buku² Perpustakaan. Tuan Pengerusi, melihat keadaan kita sekarang ini sedang mengembangkan bahasa kebangsaan yang akan menjadi bahasa yang tunggal dan rasmi di-dalam Malaysia ini khas-nya dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, saya sangat²-lah berasa susah hati kerana di-dalam Perpustakaan kita yang ada di-dalam Parlimen ini boleh di-katakan tidak ada langsung buku² yang berbahasa kebangsaan. Jadi, Tuan Pengerusi, kalau-lah di-pandang sa-bagaimana saya terangkan tadi, segala daya usaha kita di-masa sekarang ini ia-lah hendak menumpukan yang sa-benar²-nya menjadikan satu bahasa maka patut sa-kali-lah di-dalam Dewan kita ini di-mana tempat Perpustakaan itu di-adakan buku² bahasa kebangsaan atau pun bahasa Melayu. Jadi kalau sa-kira-nya ada orang² yang melawat Perpustakaan itu maka tidak-lah dapat melihat langsung buku² yang berbahasa kebangsaan atau pun bahasa Melayu. Maka saya harap-lah bagi pehak yang berkenaan supaya dapat mengadakan buku² yang berbahasa kebangsaan atau sa-kurang²-nya dapat membawakan buku² terjemahan daripada buku² bahasa lain di-jadikan terjemahan di-dalam bahasa kebangsaan kita.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, S. 1, Pechahan Kepala 8 ia-itu alat Terjemahan

Serentak. Tuan Pengerusi, dalam alat² terjemahan ini atau pun pembesar² suara ini, di-dalam Dewan ini boleh di-katakan serata tempat telah ada di-tarohkan alat² pendengar atau pembesar suara yang mana sa-kira-nya meshuarat sedang berjalan di-dalam Dewan ini atau di-mana juga kita dapat mendengar meshuarat yang sedang berjalan itu. Tetapi di-dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi, ada satu tempat lagi yang saya tahu belum ada lagi di-pasangkan alat ini, maka dengan sebab itu tentu-lah menjadi kesusahan kepada Ahli² Yang Berhormat kira-nya mereka berada di-tempat itu, ia-itu ia-lah di-dalam Parlimen ini juga—di-kantin yang di atas sa-kali—tempat makan.

Jadi, saya harap sa-kira-nya kebanyakan di-dalam bilek² atau pun tempat² dalam Dewan ini sa-hinggakan di-bilek² rehat, ada alat² pendengar ini di-adakan, maka tentu-lah rasa-nya tidak keberatan di-adakan alat² pendengar ini di-tempat makan di-kantin atas Parlimen ini.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap ia-lah dalam S. 7, pechahan 44, muka 65, ia-itu pemberian atau bantuan kepada Badan² Islam. Tuan Pengerusi, di-dalam tahun yang lepas anggaran pemberian atau bantuan kepada Badan² Islam ini ia-lah sa-banyak \$180,000. Pada tahun 1965 ini, chuma peruntokan sa-banyak \$10,000 sahaja. Tuan Pengerusi, pada fikiran saya, ia-itu bantuan yang sa-banyak ini tidak-lah memadai bagi badan² atau pun bagi bantuan kepada Badan² Islam ini untuk menjalankan segala daya usaha-nya di-dalam perkara agama. Lebeh² lagi Kerajaan kita sekarang ini telah mengishtiarkan U gama Islam sa-bagai U gama Rasmi di-dalam Persekutuan Tanah Melayu ini. Tuan Pengerusi, saya minta-lah kepada pehak Kementerian ini supaya dapat menambahkan lagi perbelanjaan ini sa-kurang²-nya menjadi \$200,000. Bantuan ini sangat di-kehendaki ia-lah supaya dapat memberi bantuan² kepada Badan² Islam yang ada dalam Persekutuan Tanah Melayu ini, dapat mengadakan sa-buah Jawatan-kuasa dan mengadakan siaran², mengadakan penyiar² u gama yang berkelayakan dan

chepak supaya dapat di-hantarkan keseluruh Malaysia ini, terutama sa-kali di-hantarkan ka-Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, apa yang saya chakapkan ini ia-lah bersangkutan dengan lawatan sambil belajar pehak saya, dan juga rombongan bersama² saya ia-itu apabila saya sampai dalam negeri Sabah dan Sarawak, banyak-lah orang² Islam khas-nya orang² Melayu yang telah saya berjumpa, mereka ada berchakap tidak puas hati tentang keadaan penyiar² ugama yang ada di-dalam negeri itu sendiri. Mereka berharap mudah²an dapat-lah Kerajaan Pusat ini mengadakan penyiar² ugama daripada kita di-sini supaya di-hantarkan ka-Sabah dan Sarawak itu, untuk menerangkan dan membagi siaran yang jelas tentang perjalanan ugama Islam di-sana. Saya harap-lah rayuan saya ini dapat di-timbangkan oleh Menteri yang berkenaan.

Lagi satu yang akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, walau pun saya ingin hendak berchakap dari kelmarin lagi, tetapi oleh sebab banyak sangat rakan² saya bangun hanya pada hari ini dapat saya berpeluang berchakap dan banyak-lah apa yang saya hendak chakapkan telah di-binchangkan oleh sahabat saya dalam Dewan ini, sama ada di-pehak pembangkang dan juga dari pehak Kerajaan, ia-lah berkenaan dengan S. 1 dan S. 7, butiran 1 dan 2 ia-itu gaji Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Tuan Pengerusi, kalau-lah dipandangkan keadaan pada masa sekarang ini dengan besar-nya tanggongjawab pehak Menteri kita yang Amat Berhormat Tengku dan juga Timbalan Perdana Menteri, dan juga-lah semua Menteri² yang ada dalam Malaysia ini, maka sa-patut-nya elaun² atau pun gaji² itu di-naikkan lebih daripada yang ada sekarang ini. Saya tidak mahu berchakap tentang wakil² Ra'ayat dan Ahli² lain, tetapi perkara ini saya harap-lah supaya pehak Menteri² Cabinet menhadangkan ia-itu gaji atau elaun Perdana Menteri kita ini sa-kurang²-nya \$8,000 sa-bulan, dan Menteri² sa-kurang²-nya \$5,000 sa-bulan, dan Timbalan Perdana Menteri sa-banyak \$6,000 sa-bulan dan Wakil² Ra'ayat itu terserah-lah kepada Menteri² itu memi-

kirkan-nya (*Ketawa*). Tuan Pengerusi, ini-lah sahaja yang saya hendak chakapkan, dan saya ucapkan berbanyak² terima kaseh.

Enche' Mohamed Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, ber-shukor saya kepada Tuhan kerana sudah dua kali saya bangun, dudok, bangun, dudok, hendak berchakap dalam Rumah ini, baharu sekarang dapat. Saya tertarek dengan satu ingatan yang telah di-beri oleh pehak sana, mengatakan bahawa wakil ra'ayat yang datang ka-Parlimen ini mendapat elaun dan menerima gaji yang besar, tetapi di-waktu Menteri² membuat jawapan, mereka tidak ada di-pehak pembangkang ini termasuk-lah saya. Tuan Pengerusi, saya merayu-lah kepada Tuan Pengerusi, memberi peluang² yang lebih banyak kepada pehak Pembangkang ini berchakap di-dalam Dewan ini. Insha Allah kami akan tunggu, yang tidak sedap-nya bagi saya, Tuan Pengerusi, oleh kerana adanya orang² daripada parti saya dapat berchakap, tetapi saya bangun, dudok, tidak dapat berchakap, tiba² hendak menunggu orang hentam saya, itu tidak sedap rasa-nya, Tuan Pengerusi, sukachita saya hendak menyatakan dalam Dewan ini baharu sa-kejap sahaja Minggu Perpaduan telah tamat dan saya juga bagaimana Ahli² yang lain ingin supaya perpaduan ini akan kekal sa-lama²-nya.

Apa yang saya hendak tarek perhatian, Tuan Pengerusi, saya ada baca dalam surat khabar *Utusan Melayu*, ia-itu di-sini ada pula di-dalam S. 1, butir 18, muka 32, Perwakilan Parlimen Luar Negeri. Saya terbaca bahawa Dr Toh Chin Chye, Ahli Parlimen Malaysia, dan Timbalan Perdana Menteri Singapura, bersama² dalam rombongan Yang Amat Berhormat Tun, Timbalan Perdana Menteri, ka-United Nation atau pun Majlis Bangsa² Bersatu. Apa yang saya ingin tahu pemergian PETIR itu ada-kah di-atas nama parti PETIR atau pun di-atas nama ahli² daripada Kerajaan Singapura, atau Ahli² Parlimen Malaysia ini. Tuan Pengerusi, kalau-lah di-atas nama Ahli PETIR bagi hendak menunjokkan perpaduan kepada United Nation, maka kami

daripada ahli pehak PAS juga sa-harus-nya dan sa-patut-nya bersama² di-dalam perwakilan itu.

Bagitu juga, kalau di-atas nama ahli Kerajaan, maka Kerajaan PAS juga maseh ada lagi sa-buah Kerajaan di-Kelantan, maka sa-patut-nya-lah ahli daripada Kerajaan PAS Kelantan itu bersama² pergi ka-Majlis Bangsa² Bersatu. Maka di-situ-lah dapat kita benar² menunjukkan kepada dunia bahawa di-Malaysia ini kita telah mengadakan Minggu Perpaduan dan perpaduan yang benar² dapat di-tunjokkan di-dalam Majlis Bangsa² Bersatu. Kalau tidak, kita sebok, kita bising di-sini, tetapi bila sampai ka-tempat yang patut kita tunjokkan dan kita beritahu bahawa ini wakil daripada parti² daripada Kerajaan ini. Ini dapat kita buktikan . . .

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Saya ingin hendak tahu di-bawah Head mana-kah Ahli Yang Berhormat dari Besut itu berchakap?

Enche' Mohamed Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, saya telah menyatakan bahawa S. 1, Pechahan Kepala 18, muka 32—Perwakilan Parlimen ka-Luar Negeri. Saya rasa wakil itu sudah baca dan ini sudah terang. Jadi, ini-lah masaalah yang saya rasa mesti di-amalkan dan di-lakukan seterusnya.

Tuan Pengerusi, saya suka menyen-toh pula pada S. 7, Pechahan Kepala 15, page atau pun muka 62—Lawatan Sambil Belajar. Ini juga, Tuan Pengerusi, saya tidak menapikan bahawa baharu² ini Ahli Yang Berhormat dari Bachok ikut serta ka-Sabah dan Sarawak, tetapi yang menjadi masaalah kapada saya, mithal-nya 10 kali, atau pun 20 kali rombongan Melawat Sambil Belajar itu keluar negeri, maka dapat-lah sa-kali kami daripada orang PAS ini merasa ikut sama, dan saya kaitkan juga dalam soal Minggu Perpaduan supaya dapat di-tunjokkan perpaduan itu sa-lama²-nya supaya dapat-lah di-ajak sama.

Tuan Pengerusi, sukachita saya hendak menyentoh S. 7, Pechahan Kepala 46 dan 51, muka 65 berhubung dengan perkara Elaun Pakar² yang di-beri

Mengikut Ranchangan Bantuan Teknik Bangsa² Bersatu, dan bagitu juga Elaun bagi Pakar² Ranchangan Colombo yang akan di-belanjakan sa-banyak kedua²-nya lebeh kurang \$240,800. Apa yang saya tidak jelas di-dalam soal ini dan saya bukan tentang masaalah terima pakar², atau pun expert² daripada Bangsa² Bersatu dan daripada Colombo Plan datang ka-Malaysia ini untuk membuat penyiasatan, dan hasil daripada penyiasatan itu akan melakukan sa-suatu, tetapi yang menjadi tanda tanya kapada saya, Tuan Pengerusi, sa-sudah kita belanja bagitu banyak dan kita panggil orang² pandai daripada dunia luar ia-itu daripada Bangsa² Bersatu, daripada Colombo Plan, tetapi belum lagi dapat menunjukkan bahawa satu penyiasatan, atau pun satu nasihat yang benar² jujur bagi menolong menegakkan ekonomi ra'ayat Malaysia ini, atau pun tegas-nya ekonomi bangsa Melayu, sa-hingga wakil di-sabelah sana pun belum puas hati dalam soal ini. Jadi, saya harap pehak Kerajaan dapat menimbangkan, fikirkan dan supaya di-beri keutamaan kalau bayar pun sedikit ada beberapa orang pakar daripada anak negeri ini sendiri, dan saya rasa lebeh tepat yang akan memberi nasihat² dan pandangan² yang akan membolehkan yang benar² bagi menegakkan ekonomi ra'ayat Malaysia, atau pun bangsa Melayu bagi menuju satu perubahan yang benar² akan dapat di-rasai nikmat-nya itu.

Tuan Pengerusi, akhir perchakapan saya, saya dengan sukachita-nya menyokong chakapan, atau pun perkara yang telah di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan—kalau ta' salah ingatan saya berhubung dengan pendaftaran, pemilehan dan penyemakan sa-mula daftar pemi-leh² bagi pengundi², ia-itu S. 4, Pechahan Kepala 5, muka 42.

Tuan Pengerusi, sungguh pun peluang telah di-beri bahawa pehak mana² parti politik boleh champor sama di-dalam soal pendaftaran, atau pun penyemakan ini, tetapi yang mendukachitakan saya kadang² bila pehak sa-sabuah parti politik itu hendak memberi kerjasama, maka ada kadang²-nya pehak pegawai

itu chuba—tidak ingin menerima kerja-sama-nya itu yang menyebabkan ketinggalan orang², atau pun ra'ayat negeri ini yang berhak mengundi bagi dimasukkan untuk menjadi atau menandatangani sa-bagai pengundi. Sekian, Tuan Pengerusi.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, sa-belum saya langsungkan ucapan saya, saya ingin menarek balek kepada Kepala yang di-quotekan oleh Ahli Yang Berhormat dari Trengganu tadi, ia-itu Perbelanjaan Khas (Special Expenditure), Perwakilan Parlimen Ka-luar Negeri, tidak termasuk perwakilan yang selalu-nya di-hantar ka-United Nations; itu termasuk dibawah Perbelanjaan Ka-luar Negeri. Jadi, ta' patut-lah perkara itu di-bawa pada masa sekarang ini, tetapi patut-lah di-bawa pada masa kita berbath berkenaan dengan Perbelanjaan Kementerian Luar Negeri

Enche' Mohamed Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan, ada-kah jawapan-nya itu akan di-pertanggung-jawabkan oleh Menteri nanti? Saya bimbang Menteri yang berkenaan tidak akan bertanggung-jawab dengan jawapan itu, atau pun keterangan yang telah di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya menjawab ini ia-lah dengan kerana banyak Ahli² memikirkan yang elaun bagi Menteri² itu kurang, dan untuk meringankan kerja² Menteri, saya chuba tolong jawab sama.

Berkenaan dengan Head S. 9 ia-itu Pejabat Perjawatan Persekutuan, atau pun Federation Establishment Office. Saya telah beruchap sa-malam ia-itu berkenaan dengan pegangan kuat pegawai² dalam F.E.O. ini kepada General Orders, dan saya menguchapkan ber-banyak² terima kaseh kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kerana memberikan penjelasan-nya itu. Saya tidak bermaksud ia-itu atoran² yang di-buat di-dalam General Orders ini boleh di-tinggalkan ka-belakang apabila kita suka sahaja. Yang saya maksudkan ia-lah General Orders ini kebanyakan dari-nya itu dibuat di-masa kita maseh lagi menjadi

satu daripada Jajahan Ta'alok British, dan pada masa sekarang ini kita telah merdeka, maka patut-lah kita kaji samula tentang General Orders ini supaya sesuai dengan keadaan pada masa sekarang.

Saya ingin menerangkan berkenaan dengan satu kejadian yang baharu² ini berlaku kapada satu daripada pegawai² yang kita hantar ka-England supaya belajar berkenaan dengan satu² kursus. Biasa-nya kursus ini mengambil masa sa-panjang dua tahun baharu-lah lulus pegawai itu dan mendapat sijil. Tetapi pegawai ini pegawai yang chekap dan dalam masa 8 bulan sahaja pegawai ini telah dapat lulus dan telah dapat sijil. Tetapi pegawai ini juga ingin melangsungkan pelajaran-nya berkenaan dengan satu perkara lagi yang mustahak yang boleh berguna kapada negara kita. Malang-nya kursus ini di-jalankan selama 6 bulan sa-lepas dia dapat sijil yang pertama. Dia telah merayu kapada Kerajaan supaya dia di-benarkan pulang ka-Malaysia ini dengan perbelanjaan-nya sendiri, berkhidmat selama 6 bulan di-dalam jabatan yang tertentu, dan sa-lepas itu balek ka-England dengan perbelanjaan-nya sendiri juga supaya dapat dia melangsungkan pelajaran-nya di-England dan dapat sijil yang baharu ini.

Saya dapat tahu ia-itu Kementerian yang berkenaan bersetuju dengan chadangan yang di-keluarkan oleh pegawai ini tetapi apabila perkara itu di-bawa kapada Pejabat Perjawatan Persekutuan, jawab-nya ia-lah biasiswa yang di-beri-nya itu ia-lah untuk mempelajari kursus yang pertama sahaja, jadi tidak mustahak-lah; sunggoh pun berfaedah bagi negeri kita ini, tidak mustahak-lah pegawai itu membelanjakan wang-nya sendiri untuk pergi balek dan mempelajari kursus yang berguna bagi negeri kita ini. Ini satu daripada benda² yang timbul yang dapat saya dengar berkenaan dengan chara² yang amat keras yang di-jalankan oleh Pejabat Perjawatan Persekutuan. Saya mengeshorkan di-sini kalau-lah General Orders ini tidak sesuai, dan saya dengar banyak daripada kaki-tangan Kerajaan mengatakan ia-itu General Orders ini tidak sesuai lagi bagi masa sekarang

ini, patut-lah General Orders ini diubah supaya sesuai. Saya tidak bermaksud ia-itu kalau kita buat General Orders pada masa sekarang ini, kita akan melompat dan membuat dengan jalan² yang tidak sesuai dengan General Orders ini yang kita buat. Kalau General Orders ini tidak sesuai diperbetulkan sahaja.

Satu Kepala lagi yang saya ingin mengeluarkan di-sini ia-lah berkenaan dengan S. 12. Saya dengar tadi ia-itu perbelanjaan sa-banyak \$2,444,503 ini akan di-gantikan balek oleh Kerajaan British. Saya ingin tahu ada-kah wang ini dapat di-gantikan balek dengan sa-penoh atau pun sa-paroh sahaja dan apa-kah sebab-nya yang kita patut membayar ini dahulu sa-belum lagi dibayar oleh Kerajaan British. Boleh-kah tidak kita menjalankan kerja supaya perbelanjaan ini di-bayar terus oleh Kerajaan British, terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun berchakap berkenaan dengan S. 1 Kepala 1—Parlimen, butiran (4) Setia-usaha Majlis, Dewan Ra'ayat. Saya hendak menyentoh, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkhidmatan atau dasar perkhidmatan bagi Jabatan Parlimen kita ini. Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang telah sama² kita ma'alum bahawa Parlimen kita pada hari ini ada-lah telah menjadi Parlimen Malaysia. Maka sudah tentu-lah bahawa tanggung-jawab kaki²-tangan yang berkhidmat di-dalam Parlimen ini makin sa-hari makin bertambah banyak, dan kita berkehendakkan segala perkhidmatan² yang sedang di-lakukan atau yang akan di-lakukan di-dalam Parlimen ini hendak-lah berjalan dengan lincis dan sempurna.

Apa yang telah saya fahamkan bahawa kaki²-tangan yang ada di-dalam Parlimen pada hari ini kebanyakan-nya ia-lah daripada pegawai² yang di-pinjam dari pejabat² lain dan begitu juga pegawai² sementara. Jadi, Tuan Pengerusi, ada-lah sa-bagai orang yang bertanggung-jawab juga, saya merayu-lah dan saya minta-lah kepada Tuan Pengerusi yang mana saya tentu-lah sama² memberi tahniah kepada Tuan Pengerusi yang dapat menjalankan atau

membereskan segala kehendak² sa-bagaimana yang telah di-chatitkan bahawa perkhidmatan² di-dalam Jabatan Parlimen ini ada-lah menjadi satu jabatan yang bebas yang mana Tuan Pengerusi-lah yang akan bertanggung-jawab.

Sa-lain daripada yang tersebut, Tuan Pengerusi, saya suka juga-lah menyambong kepada Butiran (24) muka surat 30—Bentara Parlimen. Ini ada-lah satu peruntukan baharu yang mana sa-banyak 6 orang. Jikalau tidak salah saya bahawa Bentara² yang ada di-dalam Parlimen ini mahu pun pada masa yang telah lalu atau sekarang ini ada-lah di-usahakan atau sedang di-jalankan dari anggota sukarela dari pasukan Polis Di-Raja Persekutuan Tanah Melayu. Saya suka-lah juga di-dalam Dewan ini memberikan ucapan terima kaseh kepada mereka² yang telah berkhidmat di-dalam Dewan ini yang begitu baik dan dengan begitu bagus-nya dan terator. Begitu juga saya shorkan bahawa 6 orang Bentara² Parlimen yang akan dilantik atau yang akan di-pileh bagi tahun 1965 akan datang ini hendak-lah di-pileh daripada private² yang terbaik sa-kali di-dalam Angkatan Bersenjata Persekutuan—Malay Regiment kita supaya dapat-lah sama² mereka itu, yang telah berjuang kerana mempertahankan tanah ayer ini, berasa bangga yang mereka itu sama dapat dudok dalam Dewan yang mulia dan Dewan yang berhormat ini.

Sa-lain daripada yang tersebut itu, dalam Butiran (27) berkenaan dengan Jaga. Saya sangat-lah dukachita, Tuan Pengerusi, gaji Jaga ini sangat-lah kecil. Kalau kita taroh sa-orang Jaga atau Watchman hendak di-bagi gaji begitu kecil tentu-lah akan memberi satu penderitaan kepada mereka dan kalau kita bandingkan dengan apa yang di-berikan oleh Singapura, tentu-lah saya kata yang gaji Jaga di-Singapura ada-lah mendapat lebih daripada apa yang kita chadangkan di-sini. Jadi saya merayu-lah perkara ini di-timbangkan sa-mula.

Dan sa-lain daripada yang tersebut, Kepala 1, muka 31—Pentadbiran Pejabat. Di-sini juga ada satu peruntukan

menchuchi bangunan Parlimen, tentulah terima kasih kita kerana Kerajaan kita menguntokkan wang yang begitu banyak untuk menchuchi Parlimen yang mulia ini. Tetapi saya memikirkan, Tuan Pengerusi, kita pada hari ini ialah sa-buah negara Malaysia dan begitu juga ra'ayat di-dalam negara kita pada hari ini kita suka tiap² warga negara dalam negara kita ini menyebutkan perkataan bangsa Malaysia. Jadi, kalau kita katakan bangsa Malaysia, kita perhatikan kapada orang² yang menchuchi bangunan Parlimen ini tentu-lah tidak begitu 'adil. Saya berharap-lah kapada Tuan Pengerusi supaya mengambil orang²—pemuda² dan pemudi² yang akan menchuchi bangunan Parlimen ini biar-lah sa-kurang²-nya sama sa-imbang dari berbagai² bangsa yang akan bekerja untuk menchuchi bangunan ini.

Sa-lain daripada yang tersebut, Tuan Pengerusi, saya suka-lah pergi pula kapada S. 2, muka 33 berkenaan dengan Penyimpan Mohor Besar Raja² yang mana telah di-sebutkan oleh wakil yang berchakap tadi, bertanggong-jawab kapada conference² daripada wakil² Majlis² Ugama Islam daripada negeri². Di-sini chuma sadikit sahaja, Tuan Pengerusi, saya hendak merayu-lah kapada Penyimpan Mohor Raja², di-dalam perwakilan 'Alim Ulama di-dalam tiap² tahun kita binchangkan ia-itu kita di-terangkan oleh wakil tadi bahawa satu masalah yang besar yang ada di-hadapan kita pada hari ini dan dalam surat² khabar pun telah di-siarkan berkenaan dengan orang² Islam kita yang telah banyak masok Kristian. Saya hendak merayu kapada 'Alim Ulama yang akan dudok di-dalam Majlis Raja² memikirkan satu perkataan atau kalimah kerana kalimah ini mengikut kajian saya, saya tidak-lah dapati yang tepat-nya ia-itu perkataan mualaf.

Perkataan ini menjadikan penghinaan kapada orang² yang masok Islam di-Tanah Melayu ini sa-bagai di-kata, aku mualaf dan kalau dia orang China, di-kata mualaf China. Jadi perkataan ini saya pun tidak tahu-lah, Tuan Pengerusi, ada-lah satu perkataan yang pertama sa-kali di-panggil pada orang yang baharu

masok Islam, tetapi manakala satu orang sudah masok Islam, dia tidak ada lagi mualaf, dia akan jadi saudara sama macham kita juga. Jadi perkataan ini saya tengok kadang² sampai berketurunan pula tersebut perkataan ini, jadi minta-lah supaya Majlis 'Alim Ulama tadi menimbang-kan sa-mula perkataan yang di-sebut itu supaya menarek-lah perhatian orang² yang bukan Islam tadi hendak masok Islam, apabila bersama dengan kita sndah ada perbezaan, apa ma'ana-nya, Tuan Pengerusi.

Sekarang saya beraleh pula kapada Pertandingan Membacha Quran muka 62 S. 7. Wakil Bachok telah membangkitkan berkenaan dengan Pertandingan Membacha Quran dan beliau telah membawa mithal² pada zaman sahabat² Nabi dahulu, katanya tidak ada Pertandingan Quran. tetapi pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, Quran ini ada-lah bahasa Arab, dan begitu juga orang² dalam zaman sahabat² dahulu ada-lah orang² Arab, jadi mereka itu tidak berkehendakkan atau pun mengadakan pertandingan ini, kerana tujuan mengadakan pertandingan ini untuk menjinakkan hati, itu-lah yang di-katakan mualaf itu ia-lah menjinakkan hati itu. Pada pandangan saya apa yang telah di-buat oleh Kerajaan kita ia-itu mengadakan satu peruntokan wang sa-banyak \$45,000 untuk mengadakan Pertandingan Quran itu ada-lah satu perbuatan atau satu amalan yang sangat baik, dan kita harap apa yang kita buat perkara yang baik itu akan mengeluarkan natiyah yang baik bukan sahaja untuk kita, bahkan untuk orang² atau keturunan kita pada masa akan datang. Tuan Pengerusi, sungoh pun bukan sa-patut-nya saya membuat rayuan berkenaan dengan Pertandingan Quran ini, tiap² tahun kita dengar, kita banyak-lah Qari dan Qariah kita yang telah mendapat Johan dan Naib Johan dalam masa Pertandingan Quran, tiap² negeri telah berbangga dengan kemenangan Johan-nya dan balek ka-negeri mereka membawa Cup² yang begitu banyak, tetapi apa-kah jaminan sa-sudah mereka itu mendapat satu²

keistimewaan di-dalam Pertandingan Quran ia-itu satu kemenangan dalam Pertandingan Quran itu. Jadi mereka itu boleh di-katakan telah terpilih atau pun menjadi Johan Pertandingan Quran, tetapi apa-kah satu, di-kata satu balas budi yang dapat kita memberikan kepada mereka, atau menggalakkan mereka supaya orang² yang lain dapat bersama² pula mengikut dan mengambil jejak langkah apa yang kita buat tadi. Kerana saya kata begitu, dalam negeri Perlis baharu ada sa-orang perempuan telah mendapat Johan Pertandingan Membacha Quran, tetapi ada-lah mendukachitakan manakala Johan itu meminta kerja menjadi guru agama, itu pun tidak ada tempat. Apa-kah ma'ana-nya, Tuan Pengerusi, saya berharaplah kalau kita aku sa-saorang itu menjadi Johan, biar-lah kita beri peluang di-mana² tempat sahaja yang dapat mereka itu mementingkan perkhidmatan mereka, umpama-nya dalam Radio Malaysia, satu ranchangan mengajarkan Quran, tetapi orang yang patut kita beri tempat dalam Radio Malaysia itu kita tidak beri, tetapi orang yang tidak patut mengambil tempat itu telah dapat. Jadi saya berharap dan saya merayulah sa-bagai satu chontoh yang saya beri itu supaya di-ambil satu timbangan yang baik dan timbangan yang saksama.

Sa-lain daripada itu saya ingin juga hendak menyentoh lawatan sambil belajar, kerana saya pada tahun lalu telah membuat tegoran dan membuat rayuan supaya di-adakan satu peruntokan wang bukan lawatan sambil belajar, bahkan kita memberi atau mengadakan satu kumpulan wang untuk memberi lawatan orang² di-luar negeri datang ka-tempat kita. Umpama-nya pengarang² akhbar, pemuda², ahli² yang terpelajar dan lain² lagi yang mana saya rasa masa konfrantasi ini sangat-lah mustahak supaya dapat orang² Afrika datang ka-tempat kita ini, dan dapat-lah mereka itu menyaksikan bagaimana perkembangan negara kita yang sedang berlaku pada hari ini. Tetapi saya merayu-lah, kalau tidak dapat mengadakan peruntokan pada tahun

ini, sa-kurang²-nya pada tahun datang dapat-lah di-adakan peruntokan wang untuk Foreign Leader Programme yang memberi peluang pada pemuda di-luar negeri, terutama-nya pemuda² Afrika datang ka-tempat kita supaya dapat mereka itu mengkajikan bagaimana kedudukan negara kita yang sa-benar-nya pada masa ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu-lah sahaja pandangan saya dalam perkara ini dan sekarang saya berbalek pula pada muka 1, Parlimen, satu lagi yang saya hendak minta perhatian, saya kata tadi Bangunan Parlimen ini chantek, tetapi pada masa Persidangan Parlimen, kita nampak tidak ada hiasan bendera² daripada empat belas buah negeri yang ada di-hadapan kita, sa-kurang²-nya menunjukkan satu tanda atau satu kemegahan bahawa Parlimen kita sedang bersidang dan adalah bendera² di-tiap² negeri itu terkibar di-Bangunan Parlimen kita ini dengan megah-nya. Sakian-lah, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Dr Megat Khas (Kuala Kangsar):

Tuan Pengerusi, saya minta izin men-champori dalam bahathan yang sedang di-adakan ini, tetapi saya hendak mengambil bahagian sedikit sahaja. Saya tadi berasa hairan ia-itu sahabat saya daripada Bachok, yang saya tahu dia sendiri pun satu daripada ustaz, menyatakan tidak usah-lah kita adakan Pertandingan Quran yang mana pertandingan ini telah di-adakan pada tiap² tahun, sudah empat tahun yang lalu. Saya sendiri merasa bahawa perkara itu tidak-lah benar kerana sa-bagai sa-buah negara Islam ada-lah ranchangan yang di-adakan bagi Pertandingan Quran pada bulan puasa ini telah di-sambut oleh orang² Islam seluroh dunia, bukan sahaja negara kita, tetapi negara² lain menyambut dengan dua belah tangan terbuka. Di-kata-nya tadi pula kita bachakan Quran itu umpama-nya kita membacha penal code. Saya suka hendak mengingatkan ia-itu dalam 6,666 ayat yang ada di-dalam Quran itu ada-lah satu ayat yang berbunyi. "Huallazi ba'atha fil-um-mi-yi narasu-lan minhum yatlu 'alaihim a-ya-tihi wayuzakki him

wayu'allimu humulkita bawal hikmah." Maksud-nya, lain daripada Undang², cherita², yang ada dalam Quran itu, banyak lagi hikmat² yang ada terkandung dalam Quran itu. Jadi dengan sebab itu, saya rasa ini satu chadangan dan ranchangan yang sangat elok ia-lah hendak menarek orang² masok Islam.

Saya perchaya ia-itu saudara saya itu pun maseh mengetahui dalam tawarikh macham mana Saiyidina Omar sendiri masok Islam, dengan mendengar bacaan Quran, dan telah tertarek hati. Jadi saya harap janganlah Pertandingan Quran ini yang di-adakan pada tiap² tahun ini kita mansokhkan. Saya sendiri, bak kata sa-orang daripada sahabat saya tadi, ia-itu peruntokan bagi Pertandingan Quran ini tidak chukup, elok-lah kita lebeuhkan lagi. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, kerana banyak lagi sahabat saya hendak berchakap, saya pendekkanlah sahaja uchapan saya.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja ia-itu menyentoh dalam Kepala S. 1, Butiran (6) berhubung dengan Bayaran Khidmat Ahli² Dewan Ra'ayat. Dalam masaalah ini, pemikiran saya ada-lah dengan Ahli² Yang Berhormat yang lain yang telah menyentoh sa-lain daripada elaun bagi Ahli² Dewan Ra'ayat dan juga bagi para² Menteri dan Menteri² Muda. Saya gemar membentangkan fikiran saya, ia-itu supaya dapat di-timbangkan dan di-kaji oleh Ahli² Yang Berhormat dan juga para Menteri² kita yang telah memberikan khidmat-nya kepada negara ini sa-lama 15 tahun, atau 20 tahun supaya di-beri persaraan, atau sagu hati. Ini, Tuan Pengerusi, kita boleh jadikan satu peruntokan, kerana pembayaran kepada pemimpin² national negara kita.

Kita sangat terhutang budi kepada para² Menteri, atau pun kepada pemimpin² kita yang telah melepaskan negeri ini daripada penjajahan, dan telah mendapat kemerdekaan dengan mendatangkan negeri ini kepada aman, ma'amor dan ke'adilan. Sa-telah mereka berkhidmat siang dan malam,

maka jasa-nya yang baik itu kita balas dengan memberi sagu hati dan persaraan sa-bagaimana kita beri kepada pegawai² Kerajaan, walau pun mereka ini bukan pegawai² Kerajaan, tetapi ra'ayat memang rela, kalau tidak masakan sampai empat kali dia boleh jadi Wakil Ra'ayat, atau Menteri. Ra'ayat ada-lah rela dan memberi sedikit peruntokan waktu mereka sudah tua.

Satu perkara yang saya hendak sentoh di-sini, Tuan Pengerusi, ia-itu berhubung dengan muka 30, Kepala S. 1, Butiran (23)—Telephone Operator. Menurut apa yang di-sebutkan ini hanya sa-orang Telephone Operator sahaja. Jadi, saya mengharapkan supaya dapat di-tambah sa-orang lagi, maka dengan itu dapatlah memberi kelapangan sedikit kepada pegawai ini yang menjalankan tugas-nya dalam jabatan kita ini. Kalau dia bekerja satu orang, dia tidak dapat bergilir bekerja di-Parlimen ini sa-lama Parlimen ini bersidang satu bulan. Dengan keadaan dia sa-orang, tidak dapatlah kelapangan bagi-nya.

Sa-lain daripada itu, saya suka membangkitkan pada muka 51, Kepala S. 7, Butiran (1)—Perdana Menteri. Saya ada-lah juga menyokong atas chadangan bahawa gaji Perdana Menteri kita ini supaya ditambah. Sa-lain daripada itu, saya gemar menarek perhatian berhubung dengan Perdana Menteri ini, ia-itu saya mengalu²kanlah Cabinet yang telah di-bentok pada masa sekarang ini, tetapi sa-kira-nya kalau pada satu masa kelak hendak mengubah Cabinet ini, satu perkara yang saya harap dapat di-timbangkan supaya dalam pembentokan, atau perubahan itu di-beri-lah peluang kepada Ahli Yang Berhormat daripada wanita, sa-kurang²-nya dia dapat dudok menjadi Menteri Muda yang sesuai dengan jenis kaum wanita-nya, seperti dia dapat jadi Menteri Muda Kebajikan 'Am, atau Menteri Muda Penerangan dan Penyiaran.

Tuan Pengerusi, saya fikir perkara ini, Yang Berhormat daripada kaum ibu tentu-lah dia tidak dapat membawa-nya, biar-lah saya bawa, sebab

kalau dia bawa bererti dia angkat diri-nya di-dalam bakul. Ini ada-lah berdasarkan supaya kita memberi peluang dan latehan kepada wanita kita yang mana satu masa besok dia boleh jadi Menteri² tambahan pula kita tengok kerja kaum wanita kita bekerja keras dengan mengadakan Minggu Perpaduan, menjadi Ashkar Kawalan Kampong, menjadi Tentera Wataniah, kemudian mereka pula menjadi pengundi—sa-paroh daripada pengundi dalam tanah ayer kita ini ada-lah terdiri daripada wanita²; tolong-lah beri peluang kepada kaum ibu kita untuk menjadi Menteri Muda chukup-lah.

Pada akhir-nya, Tuan Pengerusi saya hendak berchakap berhubung dengan Pertandingan Membacha Quran. Pertandingan Membacha Quran ini telah banyak di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat dan saya menyokong supaya peruntukan ini dapat di-tambah. Saya berasa dukachita benar-lah atas ucapan yang di-buat baharu sa-bentar tadi ia-itu saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Bachok, tidak mempersetujui supaya di-adakan pertandingan membacha Quran ini, dan saya tahu beliau itu sa-bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, saya fikir jiwa-nya tidak menerima apa yang dia chakap, tetapi ada satu perkara yang datang dari belakang. Perkara itu saya akan chakapkan. Pada hal Pertandingan Membacha Quran ini menurut kehendak Islam, memang di-suruh memuliakan Quran itu dan di-suruh orang ramai mendengar membacha Quran itu dengan ada-nya pertandingan membacha Quran itu membaikkan bacaan Quran mereka. Masaalah erti Quran itu lain, masaalah ini masaalah memuliakan Quran, jadi sudah sa-baik²-nya-lah bagi Kerajaan kita sekarang mengambil tempat yang sa-umpama ini. Saya khuatir, Tuan Pengerusi, sebab datang-nya ucapan Ahli Yang Berhormat yang saya ta' sangka² itu—ini datang-nya daripada bisekan Kerajaan Regime Soekarno yang pada satu masa dahulu mereka telah mengejek² kita (di-Sampok).

Ini pendapat saya, kalau tidak, tidak timbul. Pada masa Kerajaan Indonesia itu sa-waktu kita berbaik² dengan dia dahulu, dia telah merisikkan Kerajaan kita ini supaya dapat-lah kira-nya Pertandingan Membacha Quran yang di-adakan di-Malaysia ini di-buat di-Indonesia. Shabas! Kerajaan kita tolak risekan daripada Kerajaan Indonesia itu. Dengan sebab iri hati President Soekarno, iri hati Kerajaan Indonesia, maka dapat-lah di-kirimkan bisekan itu kepada Ahli Yang Berhormat daripada Bachok itu. Sekian.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Yang Berhormat

Tuan Pengerusi, saya hanya hendak berchakap sedikit sahaja dalam Rang Undang² Perbelanjaan ini, ia-itu S. 1, muka 32 di-atas Perbelanjaan Khas. Banyak daripada Ahli² yang Berhormat yang datang ka-Dewan Ra'ayat ini menggunakan kereta²-nya. Malang-nya kereta² mereka itu di-letakkan di-tengah² tempat lapang yang tidak ada tempat yang bertutup. Jadi, saya suka hendak mengeshorkan di-sini, patut-lah bagi pehak Dewan ini menyediakan tempat di-sabelah belakang Dewan Ra'ayat ini supaya di-buat tempat² kereta yang bertutup untuk menjaga harta² Ahli Dewan Ra'ayat yang berharga lebeh kurang \$500,000 kalau di-champorkan semua sa-kali. Dengan ada-nya tempat yang bertutup ini, selamat-lah, saya fikir, harta² Ahli Dewan Ra'ayat yang berjemor pada tiap² hari di-tengah² panas dan berhujan apabila hari hujan.

Yang kedua berkenaan dengan S. 4, muka 42, Pechahan Kepala 5—Pendaftaran Pemilih dan Penye-makan Sa-mula Daftar Pemilih. Saya sokong ucapan Ahli Yang Berhormat dari Pontian Selatan, hanya saya tambah sedikit sahaja, sebab di-sini kalau di-tengok kepada kenyataan (2)—Bayaran Kehormat dan Elaun sa-banyak \$300,000 bagi pendaftaran². Biasa-nya di-Johor sana, tiap² orang yang mendaftar itu di-bayar sa-banyak \$100.

Dan orang² yang menjadi pendaftar itu di-ambil daripada kaki²-tangan

Kerajaan. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi kaki²-tangan Kerajaan, bekerja sa-hingga pukul 4.30 petang, hanya ada mempunyai masa dalam dua jam sa-tengah sampai pukul 7.00 malam. Chuba-lah kita fikirkan mereka itu hendak pergi ka-kampong² sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh saudara saya tadi, belum sampai di-sana masa-nya sudah gelap, dan sa-tengah daripadanya tidak pergi semua sa-kali, hanya dalam sa-bulan mereka dapat mendaftarkan dalam 20 atau 30 orang sahaja. Jadi, ini merugikan perbelanjaan yang besar dan pendaftar-nya sedikit. Saya suka mengeshorkan supaya perkara ini dapat di-bawa kepada Surohanjaya Pilehan Raya ia-itu pendaftaran hendak-lah di-beri kepada tiap² pendaftar itu sa-kurang²-nya 20 sen pada satu pendaftaran. Kita tidak peduli kepada siapa kita beri bagi orang yang mendaftar itu, dan sa-kira-nya kita angkat orang itu, kita akan bayar tiap² pendaftaran sa-orang pengundi 20 sen. Dengan ada-nya peratoran ini maka mereka itu akan bekerja dengan bersungguh², kalau dalam sa-bulan dia boleh mendaftarkan 1,000 orang dia akan dapat \$200.00, kalau 2,000 sa-bulan \$400.00. Dengan ada-nya wang yang sa-banyak \$300,000 kita boleh dapat satu juta sa-tengah ra'ayat di-daftarkan, tidak-lah sia² bagaimana tahun² yang telah sudah. Saya fikir itu-lah sahaja yang saya dapat bawa di-sini dan saya sokong di-atas Rang Undang² ini.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemanan): Tuan Pengerusi, sa-kejap tadi kita semua telah dengar satu shor yang telah di-kemukakan oleh sahabat saya wakil dari Bachok supaya Kerajaan ini menghapuskan peruntukan sa-banyak \$45,500 itu untuk Pertandingan Membacha Quran yang telah di-anjorkan oleh Kerajaan Pusat pada tiap² tahun.

Sa-patut-nya shor yang sa-umpama ini keluar dari satu orang atau pun daripada satu party yang tidak memperjuangkan ideology Islam tetapi yang menghairankan kita, shor yang umpama ini ada-lah keluar, Tuan

Pengerusi, dari sa-orang wakil yang negeri-nya menjalankan ideology Islam. Pada hal satu perkara—perkara pertandingan ini ada-lah satu perkara yang di-tuntut oleh ugama kita sa-lain daripada mengingatkan warga negara ini bahawasa-nya pertandingan yang di-adakan pada bulan itu, ada-lah mengingatkan mereka bulan yang di-turunkan Al-Quran nulkarim.

Mengikut apa yang telah di-katakan oleh yang Berhormat dari Bachok tadi, sa-patut-nya Kerajaan mengadakan forum bagi mengupas isi² Al-Quran yang pada pendapat-nya lebeh baik daripada mengadakan pertandingan membacha Al-Quran. Tetapi, Tuan Pengerusi, shor ini ada-lah satu perkara yang lebeh berat lagi, kerana pada pendapat saya kalau di-adakan mithal-nya satu tempat di-adakan forum untuk mengupas isi² Al-Quran sementara satu tempat lagi di-adakan satu i'lan mengatakan ada pertandingan Quran nulkarim, maka sudah tentu-lah tempat pertandingan Quran nulkarim itu akan mendapat sambutan yang lebeh daripada tempat mengadakan kupasan isi² Al-Quran itu. Oleh itu saya rasa, pandangan sa-umpama ini patut bagi langkah yang pertama ini di-jalankan oleh Negeri² terutama Negeri yang di-wakili oleh wakil dari Bachok itu sendiri, kemudian daripada itu akan di-ikuti oleh Negeri² lain dan saya perchaya pehak Kerajaan Pusat tidak keberatan bila sambutan-nya ramai daripada orang di-negeri ini untuk mengadakan forum yang sa-umpama itu pada masa yang akan datang kelak.

Satu perkara lagi yang saya hendak menyentuh di-sini, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai S. 7, Pechahan Kepala 15—Lawat Sambil Belajar. Sa-panjang yang saya tahu rombongan² yang mendapat peluang untuk pergi dalam Lawat Sambil Belajar ini ada-lah terdiri daripada belia², pegawai² pelajaran dan lain² lagi. Tetapi yang ketinggalan ia-lah pegawai² ugama dan ahli pentadbir dalam soal ugama. Ini boleh jadi juga soal ugama itu, Tuan Pengerusi, ia-lah soal negeri. Walau bagaimana

pun mereka juga salah satu anggota yang penting yang sama² membahu dengan pegawai² lain untuk membangunkan negara kita ini. Oleh itu saya rasa patut-nya dalam tahun yang akan datang ini pegawai² ugama, juga ahli pentadbir ugama, di-beri peluang yang banyak bagi menyertai rombongan² yang akan mengambil bahagian dalam lawatan sambil belajar keluar negeri itu supaya mereka akan dapat bahan² yang baharu untuk menjalankan pentadbiran² ugama yang lebih baik lagi untuk menyesuaikan bagi negeri kita Malaysia ini yang telah merasmikan Agama Islam sa-bagai ugama rasmi. Sakian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Sebarang Utara): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap di-atas Kepala 7, Butiran 12 ia-itu di-muka 62—Pertandingan Membacha Quran Tahunan. Tuan Pengerusi, ada-lah Pertandingan Membacha Quran ini telah berjalan daripada tahun 1961 dan sambutan-nya ada-lah chukup baik dan memuaskan. Di-samping itu, saya ingin mengeshorkan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menganjorkan Majlis Muza-karah 'Alim Ulama mewakili negara² Islam. Dengan ada-nya Majlis Muza-karah atau 'Alim Ulama mewakili negara² Islam, maka dapat-lah dalam perundingan atau persidangan itu di-keluarkan beberapa fikiran, bertukar² fikiran dan pendapat dari segi fatua² dan juga menghubungkan tali persahabatan di-antara satu negara Islam dengan sa-buah negara Islam yang lain. Saya berharap-lah wang peruntokan ini kalau tidak chukup dapat di-tambahkan dan di-anjorkan satu Majlis Muzakarah 'Alim Ulama sa-dunia. Oleh kerana Masjid Negara kita tidak lama lagi akan siap maka molek sangat-lah Masjid Negara itu di-gunakan tempat persidangan bagi 'Alim Ulama.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap juga di-atas S. 4, Pechahan Kepala 5—Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Sa-mula Daftar Pemilih. Peruntokan

yang di-buat ada-lah sa-banyak \$438,312. Nampak-nya banyak daripada Ahli² Yang Berhormat telah berchakap merasa tidak puas hati atas chara mendaftar sa-mula dan memberi peluang kepada pengundi² menyemak diri mereka masing² sama ada mereka itu sudah di-daftarkan atau tidak. Untok mengelakkan perbelanjaan yang banyak dan juga menghapuskan perkara² yang tidak puas hati saya shorkan, patut-lah pehak pejabat ini berhubung dengan pejabat pendaftar kad pengenalan. Dengan shor saya ini dengan mudah-nya dapat di-semak ahli² atau warga negara yang ada hak mengundi di-salinkan nama mereka itu dengan 'alamat-nya yang penoh dan dapat-lah di-bukukan sa-bagai buku pendaftaran pengundi. Dengan ini saya ingat chukup mudah dan dapat-lah di-buat dengan sa-berapa sempurna-nya.

Lagi satu perkara yang saya ingin berchakap, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai wang peruntokan bagi elaun Ahli² Dewan Ra'ayat, bagaimana yang telah pun di-sebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi. Saya ingin-lah mengeshorkan supaya pehak yang berkenaan mengadakan sa-buah Jawatan-kuasa mengkaji segala elaun bukan sahaja elaun Ahli² Dewan Ra'ayat bahkan Ahli² Majlis Undangan Negeri dan juga Ahli Majlis Kerajaan Tempatan. Kerana saya dapati pemberian atau menetapkan elaun ini bagi tiap² Majlis itu tidak patut-nya, ada sa-tengah melebehi daripada yang lain—di-atas taraf kedudukan Ahli². Saya harap-lah dapat di-timbangkan supaya di-beri elaun yang sesuai dan sa-teraf dengan perjawatan atau pun perwakilan bagi Majlis yang Ahli itu menjadi sa-bagai wakil.

Saya chontohkan ia-itu sa-belum tahun 1962, elaun bagi Ahli² Majlis Meshuarat Undangan Negeri ia-lah sa-banyak \$250.00 dan sa-bagai Ahli Ex. Co. \$375.00. Sa-lepas tahun 1962, elaun Ahli² Majlis Undangan Negeri dapat \$375 dan Ex. Co. \$500.00. Tahun 1964, Ahli² Majlis Meshuarat Undangan Negeri dapat \$500.00 dan

Ex. Co. \$850.00. Jadi nampak-nya gaji atau elaun sa-orang Ex.Co. itu lebeh daripada Ahli Dewan Ra'ayat. Dari itu saya harap supaya dapat di-timbangkan dan di-beri elaun itu sesuai dengan kedudukan atau taraf; bukan-lah saya minta perkara ini di-laksanakan sekarang, saya pun insaf dan rakan² saya pun insaf di-sini, harap-lah mendapat pertimbangan manakala kedudukan negara kita atau kedudukan ekonomi kita sesuai dan kuat maka pada masa itu patut-lah di-beri pertimbangan supaya di-naikkan elaun bagi Ahli² Dewan Ra'ayat kerana tanggung-jawab masing² sangat-lah berat. Kalau di-bandingkan sa-bagai satu kawasan, saya kata kawasan Temerloh luas-nya sa-luas Negeri Sembilan, tanggung-jawab-nya hendak melawat kawasan dan juga hendak menunaikan kewajipan sa-bagai Jawatan-kuasa Pembangunan Luar Bandar dan lain²-nya sangat-lah berat dan patut di-beri pertimbangan untuk masa hadapan. Di-samping itu kalau hendak di-bandingkan dengan elaun bagi sa-orang Ahli Dewan Ra'ayat bagi United Kingdom yang mendapat £3,250 sa-tahun, jadi sa-bulan dapat \$2,300 lebeh; jadi bukan-lah kita berkehendakkan \$2,000 tetapi yang berpatutan sahaja, Tuan Pengerusi. Sakian-lah sahaja, terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja berkenaan dengan S. 8, di-sini ada merah, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*).

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Minta ma'af, ini pun ada merah juga, Tuan Pengerusi.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Saya berchakap di-bawah S. 8 muka 67 Pejabat Setia-usaha Persekutuan yang berjumlah peruntukan-nya di-muka 73 \$838,454 dan pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, saya perchaya Perdana Menteri menyokong saya dalam perkara ini ia-itu kita hapuskan nama Pejabat Setia-usaha Federal itu, kerana ini merupakan sa-olah² kita mempunyai Colonial Office di-sana. Jadi sistem penjajahan kita hantarkan daripada pusat ini beberapa orang pegawai dan

orang² di-tempat itu akan merasa, kata-nya kami ini mempunyai pegawai² daripada Malaysia ini untuk mengawasi kami, patut-lah kita bangsa² yang dudok di-bawah penjajahan mempunyai Setia-usaha²-nya. Tuan Pengerusi, saya kata begitu oleh kerja² yang akan di-lakukan oleh sa-orang pegawai itu tentu-lah sudah tetap di-tulis menurut Perlembagaan negara ini. Itu masaalah yang dalam perkara² itu terserah-lah kapada pusat saperti education, mithal-nya kalau di-Tanah Melayu ini ada-lah pegawai education kita di-tempat itu dan tidak-lah di-namakan Setia-usaha Persekutuan. Jadi ini saya rasa terima kaseh kapada Kerajaan yang telah memberi saya peluang dapat melawat Sabah dan Sarawak pada hari itu dan saya dapati fikiran² orang² di-sana berasa sangat tidak puas hati terhadap Federal Secretary itu, rasa mereka orang² itu datang untuk mengawasi kerja² mereka di-sana. Jadi perasaan berpechah² itu maseh ada lagi. Tuan Pengerusi, saya pun tidak tahu apa yang patut di-buat oleh pegawai itu. Kalau dia Immigration, hantarkan-lah pegawai Immigration, kalau dia pegawai perdagangan di-hantarkan pegawai perdagangan, tetapi di-namakan Setia-usaha Persekutuan. Saya nampak itu chara macham merupakan jalan penjajahan. Sebah itu-lah, Tuan Pengerusi, saya dapati pegawai kita di-sana itu pejabat-nya terpaksa di-sewa di-Chong Khiaw Building. Pada hal sudah patut-lah tempat itu menyediakan pejabat bagi pegawai² kita itu. Ini saya rasa boleh, Tuan Pengerusi, membuat mela-lui membetulkan Perlembagaan itu supaya jangan timbul lagi perbezaan bagi pegawai² daripada sini pergi ka-sana sa-lain daripada lapangan² memberi kuat-kuasa kita negara kita ini. Mithal-nya pegawai education, di-kawal oleh education. Jadi kalau begitu gaya-nya akan susah-lah kita pergi ka-sana, kalau pun ada Pejabat Setia-usaha Federal di-sana, sa-olah² kita ini orang lain daripada tempat itu, sementelah pula-lah Perlembagaan yang ada sekarang ini, kalau kita hendak masuk di-sana pun kena tiga hari sahaja, dan kalau dia di-luluskan oleh negeri itu boleh menambah sa-bulan lagi. Dudok dalam negeri kita sendiri kena ambil paspot, jadi apa

guna-nya kita buat Malaysia sampai bagitu. Tuan Pengerusi, sebab itu saya rasa kita baik hapuskan S. 8 ini bukan hendak di-koyakkan, kita hapuskan tidak usah belanja dan kita tarek balek pegawai kita itu balek ka-sini.

Mr Speaker: Order, Order, the time is up.

House resumes.

Mr Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply Bill, 1965, was still considering Heads S. 1 to S. 12 of the Schedule. The House is now adjourned till 10 a.m. tomorrow.

Adjourned at 6.30 p.m.